

STATISTIK KERATAN AKHBAR JULAI 2024

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	CHINA-MALAYSIA BAWA HUBUNGAN KE TAHAP LEBIH TINGGI	UTUSAN MALAYSIA MS 15	01.07.2024	RENCANA
2	GRADUAN PERLU TONJOL KEUNIKAN KEPAKARAN PIKAT HATI MAJIKAN	BERITA HARIAN MS 11	02.07.2024	SEMASA
3	PEMBACAAN SURAT KHABAR BERCETAK BANYAK KELEBIHAN	BERITA HARIAN MS 11	02.07.2024	PERPUSTAKAAN
4	TIADA PELAJAR CEMERLANG SPM TERCICIR	UTUSAN MALAYSIA MS 1 & 2	02.07.2024	KPT
5	'TINDAKAN DISIPLIN JIKA ADA BUKTI KEMPEN GUNA JENTERA KERAJAAN'	BERITA HARIAN MS 08	10.07.2024	SEMASA
6	'BUTA IT', LEMAH URUS DATA PERIBADI MUDAHKAN PENJENAYAH SIBER MENIPU	BERITA HARIAN MS 12	10.07.2024	RENCANA
7	TINGKAT PENGUASAAN DIGITAL PENDIDIK TVET DI MALAYSIA	UTUSAN MALAYSIA MS 14	10.07.2024	TVET
8	PENTADBIR UNIVERSITI MESTI KRITIS, JADI EJEN PERUBAHAN	UTUSAN MALAYSIA MS 16	11.07.2024	KPT
9	PM BERI JAMINAN SSPA KALI INI TERBAIK PERNAH DIPERKENALKAN	BERITA HARIAN MS 02	14.07.2024	SEMASA
10	KDEB WASTE MANAGEMENT, UUM METERAI KERJASAMA TINGKAT KESEDARAN TVET	SINAR HARIAN MS 13	14.07.2024	TVET
11	SISWA REKA MESIN SALINAN DALAM TELEFON BIMBIT	UTUSAN MALAYSIA MS 33	17.07.2024	KPT
12	BINA EKOSISTEM SEKTOR BAS EV NEGARA	UTUSAN MALAYSIA MS 17	17.07.2024	RENCANA
13	PERISTIWA HIJRAH NABI SAW HAYATI TELADAN & PENGAJARAN	HARIAN METRO MS 15	19.07.2024	AGAMA
14	MELANGKAH KE ALAM BAHARU ASASI, MATRIKULASI DAN IPG	BERITA HARIAN MS 26	22.07.2024	KPT
15	180,000 PELAJAR BAHARU TERIMA PEMBIAYAAN PTPTN SETIAP TAHUN	BERITA HARIAN MS 15	22.07.2024	KPT
16	IPT KENA LAPOR KES PELAJAR ASING 'HILANG'	BERITA HARIAN MS 05	22.07.2024	KPT
17	PILIH POLITEKNIK KERANA GABUNGAN PENDIDIKAN TEORI, PRAKTIKAL	UTUSAN MALAYSIA MS 32	23.07.2024	POLITEKNIK
18	KETEGUHAN BINAAN MASJID BERUSIA 100 TAHUN	UTUSAN MALAYSIA MS 26	23.07.2024	RENCANA
19	PEMBEKUAN KURSUS KEJURURAWATAN DI IPTS TAMAT OGOS	BERITA HARIAN MS 16	24.07.2024	KPT
20	KEBERSAMAAN PENJAWAT AWAM MENDUKUNG AGENDA NEGARA	UTUSAN MALAYSIA MS 15	24.07.2024	RENCANA
21	KEMUDAHAN LAPUK JEJAS LAHIR GRADUAN TVET BERDAYA SAING	BERITA HARIAN MS 11	26.07.2024	TVET
22	SEBAK DAPAT PENUHI IMPIAN ANAK SAMBUNG BELAJAR KE POLITEKNIK	UTUSAN MALAYSIA MS 12	29.07.2024	POLITEKNIK
23	KES BULI ZULFARHAN TIDAK AKAN BERULANG DI UPNM - KHALED	UTUSAN MALAYSIA MS 05	29.07.2024	KPT

Rencana

Utusan Malaysia
ISIN • 1 JULAI 2024

15

OUYANG
YUJING

SEMPENA ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara China dan Malaysia, Perdana Menteri China, Li Qiang telah mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia dari 18 hingga 20 Jun. Dalam lawatan tersebut, saya mengiringi Li Qiang telah menghadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan mengadakan rundingan dua hala dengan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kedua-dua pemimpin turut menghadiri majlis sambutan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik China-Malaysia, jamuan tengah hari bersama komuniti ahli perniagaan China-Malaysia dan majlis perasmian pecah tanah Stesen Terminal Bersepadu Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) Gombak.

Dalam setiap acara tersebut, kami dapat merasa kesungguhan dan keprihatinan kerajaan Malaysia terhadap hubungan China-Malaysia dan keikhlasan rakyat Malaysia yang memang sahabat sejati rakyat China. Lawatan Li Qiang kali ini mencapai kejayaan luar biasa dan dilakukan dalam suasana yang cukup muhibah, sekali gus membawa hubungan China-Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

Pada 20 Jun, kerajaan China dan Malaysia mengeluarkan "Kenyataan Bersama Mengenai Mempertingkatkan Perkongsian Strategik Komprehensif ke Arah Komuniti Berkongsi Nasib China-Malaysia". Ini merupakan hasil penting lawatan Li Qiang ke Malaysia kali ini. Ia menggariskan kesepakatan antara kedua-dua pihak mengenai kerjasama dalam pelbagai bidang dan juga mempunyai nilai strategik yang tinggi, serta berpandangan jauh.

Kedua-dua pihak bersetuju untuk memperkukuh hubungan strategik yang saling percaya dan asas politik komuniti berkongsi nasib China-Malaysia. Pada tahun 2013, Presiden Xi Jinping melawat ke Malaysia telah menubuhkan Perkongsian Strategik Komprehensif antara kedua-dua negara.

Tahun lalu, Presiden Xi Jinping dan Anwar telah mencapai kata sepakat penting mengenai pembinaan komuniti berkongsi nasib China-Malaysia. Tahun ini, sempena ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara



CHINA dan Malaysia akan terus mengutamakan hubungan dua hala dalam dasar luar masing-masing dan mengambil peluang berikutan sambutan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.
- GAMBAR PEJABAT PERDANA MENTERI

China-Malaysia bawa hubungan ke tahap lebih tinggi

China dan Malaysia yang mencatatkan sejarah, lawatan Li Qiang telah membawa hubungan kedua-dua negara ke tahap yang lagi tinggi.

Ini menunjukkan bahawa pemimpin kedua-dua negara telah memainkan peranan penting dalam pembinaan hubungan ini. China dan Malaysia akan terus mengutamakan hubungan dua hala dalam dasar luar masing-masing dan mengambil peluang berikutan sambutan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik untuk mempercepatkan pembinaan komuniti berkongsi nasib China-Malaysia.

Pihak Malaysia menyanjung tinggi konsep yang dikemukakan oleh Presiden Xi Jinping, iaitu membina komuniti berkongsi nasib sesama insan, Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI), konsep diplomasi yang mesra, ikhlas, saling untung dan inklusif sesama tetangga serta Inisiatif Pembangunan Global, Inisiatif Keselamatan Global dan Inisiatif Peradaban Global. China juga menyokong konsep Malaysia Madani.

Malaysia mengulangi komitmennya terhadap Dasar Satu China, mengiktiraf

bahawa Taiwan ialah wilayah Republik Rakyat China yang tidak boleh dipisahkan, menyokong China mencapai penyatuan semula negara dan dengan itu tidak akan menyokong sebarang seruan kemerdekaan Taiwan.

Kedua-dua pihak bersetuju untuk memperdalam penyaluran pembangunan, mengaktifkan sumber motivasi yang tidak pernah habis bagi komuniti berkongsi nasib China-Malaysia.

Kedua-dua pihak akan memastikan penyaluran mendalam antara inisiatif BRI dan rangka kerja Ekonomi Madani serta mengukuhkan kerjasama dalam ekonomi, perdagangan, pelaburan dan penghubung infrastruktur.

Projek-projek utama seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan "Dua Negara, Taman Berkembang" akan terus didorong untuk memastikan manfaat pembangunan dapat dinikmati oleh lebih ramai orang.

Sebagai hasil lawatan kali ini, sebanyak 14 dokumen kerjasama antara China dan Malaysia tersenarai, antaranya terdapat dokumen yang mengenai bidang ekonomi digital, pembangunan hijau,

teknologi dan pendidikan tinggi. Dengan mengambil peluang pembangunan produktiviti baharu, kedua-dua negara akan meneroka potensi kerjasama dalam bidang baharu.

Malaysia mengalu-alukan permohonan China untuk menyertai Perjanjian Komprehensif Dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP), manakala China menghargai usaha Malaysia untuk memberikan peluang yang terbuka dan adil kepada syarikat China dalam pembinaan rangkaian 5G di Malaysia.

China mengalu-alukan lebih banyak produk pertanian berkualiti tinggi dari Malaysia masuk pasaran China. Berita mengenai eksport durian segar ke China segera menjadi tumpuan media dan rakyat kedua-dua negara. Para penggemar durian di China dan peladang buah-buahan Malaysia akhirnya mencapai hubungan yang saling menguntungkan.

Kedua-dua pihak bersetuju untuk meningkatkan pertukaran budaya dan meletakkan asas kukuh bagi pembinaan komuniti berkongsi nasib China-

Malaysia dalam kalangan rakyat. China melanjutkan pengecualian visa bagi rakyat Malaysia sehingga akhir 2025 dan sebagai balasan, Malaysia akan melanjutkan pengecualian visa sehingga akhir 2026. Kerajaan kedua-dua negara akan meneruskan perundingan dan perbincangan mengenai pengecualian visa bagi memudahkan lawatan rakyat antara satu sama lain.

Kedua-dua negara turut mengesahkan akan melaksanakan penyelidikan mengenai perlindungan panda bagi pusingan baharu, membolehkan panda terus menjadi duta persahabatan hubungan China-Malaysia. China dan Malaysia juga akan membuat pencalonan secara bersama Tarian Singa ke Perwakilan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi kategori Warisan Budaya Tidak Ketara (ICH) Kemanusiaan, bersama-sama melindungi warisan budaya ini supaya ia dapat terus berkembang.

Kedua-dua pihak bersetuju untuk mengukuhkan kerjasama pelbagai hala, memperkayakan makna Komuniti Berkongsi Nasib China-Malaysia di arena antarabangsa. Malaysia akan mengambil alih sebagai negara penyalur hubungan Dialog ASEAN-China tidak lama lagi dan akan memegang jawatan sebagai negara pengerusi ASEAN pada tahun depan. China bersedia bekerjasama dengan Malaysia untuk membina hubungan komuniti China-ASEAN yang lebih erat.

China dan Malaysia akan melancarkan mekanisme dialog dua hala mengenai isu-isu maritim, mengeratkan kerjasama maritim dan bersama-sama memelihara keamanan, keselamatan dan kestabilan di Laut China Selatan. Kedua-dua negara menyatakan sokongan penuh untuk menyambung semula proses penyelesaian politik berdasarkan penyelesaian dua negara serta mencari jalan penyelesaian yang menyeluruh, adil dan berkeadilan bagi isu Palestin seawal mungkin.

Berdiri di titik permulaan sejarah yang baharu, marilah kita berpandukan kata sepakat yang dicapai oleh pemimpin kedua-dua negara, terus berganding bahu dalam usaha menuju pemodenan dan menjana hubungan China-Malaysia ke arah lebih gemilang dalam masa 50 tahun akan datang.

PENULIS ialah Duta China ke Malaysia.

Graduan perlu tonjol keunikan kepakaran pikat hati majikan



Oleh Prof Ir Dr Mohd Syuhaimi Ab Rahman
bhrencana@bh.com.my

Aspirasi sesebuah universiti adalah untuk melahirkan graduan berkualiti menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai sektor. Graduan berkualiti adalah mereka yang berpengetahuan luas, mahir dalam penggunaan peralatan moden dan mempunyai kemahiran insaniah tinggi.

Kualiti seseorang graduan perlu diukur dan diketahui supaya menjadi asas kepada tindakan pemerkasaan selanjutnya. Secara amnya terdapat beberapa instrumen boleh

digunakan untuk menilai kesediaan graduan memasuki alam pekerjaan.

Statistik Kebolehpasaran/Kebolehgajian dan Gaji Permulaan Minimum (GPM) adalah kayu ukur untuk menilai keberkesanan universiti dalam menghasilkan graduan memenuhi cita rasa bakal majikan. Bagaimanapun sehingga hari ini universiti masih melakukan usaha berterusan dalam mencari ramuan terbaik menghasilkan graduan bercirikan 'minda kelas pertama'.

Corak pengurusan sesebuah program juga memainkan peranan penting dalam membentuk ciri graduan bakal dilahirkan. Ini digambarkan melalui sistem pengurusan akademik diamalkan di setiap universiti. Graduan perlu menonjolkan keunikan kepakaran bidang mereka sebagai nilai tambah untuk dipilih sebagai pekerja.

Di samping itu, graduan perlu mengambil peluang memperkayakan pengetahuan dengan sumber terbuka menerusi program latihan dalam ta-

lian. Mereka boleh memperoleh sijil kemahiran melalui pembelajaran dalam talian ditawarkan organisasi dalam dan luar negara.

Pelbagai inisiatif ditawarkan dalam meningkatkan kemahiran graduan, sama ada dianjurkan universiti, industri, institusi latihan, kerajaan atau pihak berkepentingan lain. Secara umumnya, terdapat tiga faktor yang menyumbang kepada kebolehpasaran dan kebolehgajian tinggi.

● Usaha membentuk daya saing.

Usaha membentuk pelajar berdaya saing dapat dicapai menerusi struktur kurikulum dinamik dan berhalal tuju, penilaian berkeboleharapan dan reflektif, suasana pengajian kondusif berserta aktiviti merangsang pembangunan diri khususnya kemahiran insaniah.

Pengukuhan jati diri graduan

Melalui usaha ini, persepsi bakal majikan atau industri dapat diubah terhadap kualiti graduan dilahirkan. Meningkatkan kebolehan graduan secara dalaman menerusi pengukuhan jati diri melalui suasana pembelajaran kondusif.

Antara usaha perlu dilakukan antaranya melahirkan pelajar cemerlang akademik, pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang baik, aktif dalam pelbagai lapangan ilmu, bersedia menggalas tugas lebih mencabar, mampu menyelesaikan permasalahan, persediaan tempat dan program terbaik, pemerkasaan nilai diri idaman industri dan banyak lagi.

Prasarana lengkap dan kondusif juga memainkan peranan bentuk dalam membentuk graduan holistik dan kompetitif. Ia merangkumi prasarana pembelajaran meliputi bilik kuliah, makmal, studio dan

lain-lain yang menyokong aktiviti pembelajaran.

Makmal Pengajaran Industri antara prasarana boleh ditumpukan kerana kewujudan prasarana ini membolehkan kepakaran, peralatan dan kemudahan daripada industri di bawa masuk ke universiti.

● Instrumen kebolehpasaran

Strategi ini bertujuan menjadikan graduan sesebuah universiti unik dan nampak berbeza menerusi pengenalan komponen menyerlah mereka. Ia penting untuk menambah nilai graduan atau disebut sebagai pakej pelajar.

Instrumen kebolehpasaran juga penilaian kepada kebolehan pelajar diperoleh daripada aktiviti luar akademik yang mampu meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Di antara aktiviti terbabit adalah sijil profesional, portfolio akademik pelajar, diploma pelengkap, ciri keusahawanan, program dwi-ijazah, pengalaman berada di industri, fasih pelbagai bahasa, mengikuti pertandingan, program mobiliti, fasih berbicara, pembangunan sahsiah, penampilan, anugerah pencapaian kokurikulum dan anugerah kecemerlangan.

● Pemangkin kebolehgajian

Pemangkin kebolehgajian adalah usaha dan sokongan universiti mendekatkan industri dengan pelajar. Strategi proaktif ini termasuk menawarkan pengajian sarjana bagi calon layak, kolaborasi strategik dengan industri, pesta kerjaya dan minggu khas industri bersama pelajar.

Tiga faktor ini dapat dicapai melalui pelaksanaan sistem pengurusan akademik mantap. Ia boleh dijadikan model teladan bagi sistem pengurusan akademik setiap universiti yang diketahui pelbagai dan ia biasa dibangunkan secara unik mengikut acuan masing-masing.

27/24 BHS ms 11

PER

Pembacaan surat khabar bercetak banyak kelebihan

Nuruladilah Mohamed
Pensyarah di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, cawangan Terengganu

Membaca surat khabar adalah amalan yang sangat bermanfaat dan patut digalakkan dalam kalangan pelajar. Surat khabar bukan sahaja memberikan maklumat terkini mengenai pelbagai isu semasa, tetapi juga meningkatkan pengetahuan umum dan memperluas minda pembacaanya.

Tabiat ini membantu pembaca peka dan tahu perkembangan terkini pada peringkat tempatan, nasional dan global.

Ini membolehkan mereka membina kesedaran mengenai hal yang berlaku di sekeliling dan pengetahuan ini amat berguna untuk membina kemahiran berfikir kritis dan membuat penilaian berhemah.

Selain itu, surat khabar turut menyediakan pelbagai rencana dan artikel yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sains, teknologi, pendidikan dan kebudayaan. Pendedahan kepada maklumat sebegini membantu memperkayakan dan membuka minda pembaca kepada pelbagai perspektif.

Di samping itu, pembacaan surat khabar juga dapat membantu meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar, terutama dalam konteks memahami teks yang kompleks. Ini secara tidak langsung akan membantu pelajar dalam pembelajaran di sekolah.

Umum sedia maklum, masa kini, pelajar kurang mendapat pendedahan mengenai bahan bacaan daripada surat khabar bercetak. Ia mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti kos langganan oleh pihak sekolah, menyahut kempen 'Bumi Hijau' yang menyaran penggunaan kertas yang minimum, kemudahan akses bahan bacaan dalam talian dan juga beberapa faktor lain.

Walaupun dikelilingi pelbagai faktor kekangan

serta sumber dalam talian, pembacaan surat khabar bercetak mempunyai banyak kelebihannya.

Pertama, surat khabar bercetak menawarkan kebolehpercayaan maklumat yang lebih tinggi. Proses penyuntingan ketat dan masa penerbitan lebih panjang membolehkan fakta disemak dengan teliti, mengurangkan risiko penyebaran berita palsu. Ini berbeza dengan akhbar dalam talian yang sering mengejar kelajuan penyampaian berita, kadangkala mengorbankan ketepatan dari segi fakta mahupun ejaan.

Kedua, surat khabar menyediakan pengalaman membaca yang lebih fokus. Pembaca dapat menumpukan perhatian sepenuhnya pada kandungan tanpa gangguan seperti pemberitahuan atau pautan yang sering terdapat dalam platform digital. Ini dapat membantu pembaca memahami isu dengan lebih mendalam tanpa diganggu sebarang iklan yang sudah semestinya memenuhi ruang layar bahan bacaan tertentu.



Baca tanpa gangguan

Selain itu, surat khabar tidak memerlukan teknologi untuk dibaca. Ini menjadikannya lebih mudah diakses di kawasan yang mempunyai sambungan internet yang terhad atau tidak stabil. Ia juga tidak bergantung pada bateri peranti, membolehkan pembacaan tanpa gangguan di mana-mana sahaja.

Walau tidak dinafikan teknologi adalah suatu kemestian ketika ini, namun dalam sesetengah keadaan kita perlu menyetepikan ia dan beradaptasi dengan situasi sebelum kepadatan teknologi menghantui kehidupan kita seharian.

Dari segi kesihatan pula, membaca surat khabar mengurangkan ketegangan mata berbanding skrin digital. Ini penting terutama bagi mereka yang menghabiskan banyak masa di hadapan skrin komputer atau telefon pintar, terutama pelajar yang menggunakan banyak teknologi dan peranti di dalam kelas.

Selain itu, ia juga dapat membantu pelajar lebih selesa berkomunikasi dengan rakan sekelas jika mempunyai bahan bacaan bercetak berbanding kebergantungan mereka kepada peranti dan mengehadkan komunikasi antara mereka.

Akhbar juga mempunyai nilai arkib yang tinggi. Ia boleh disimpan sebagai rekod fizikal untuk rujukan masa depan, memberikan pandangan berharga mengenai peristiwa dan perspektif pada masa tertentu dalam sejarah.

Namun, kesukaran untuk mendapatkan surat khabar bercetak perlulah diakui secara umum kerana kurangnya permintaan yang menyebabkan kesukaran untuk mendapatkannya di kedai buku, stesen minyak mahupun gerai kecil.

Bagaimanapun ia tidak menjejaskan kebaikan membaca akhbar yang memberi banyak manfaat kepada pelajar dari segi pengetahuan, kesedaran, pemikiran kritis dan kemahiran berbahasa.

Tiada pelajar cemerlang SPM tercicir

Oleh JUANI MUNIR
ABU BAKAR

juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Pendidikan Tinggi akan memastikan semua pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh keputusan 10A ke atas mendapat tempat di matrikulasi atau program asasi universiti awam (UA).

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Zambry Abdul Kadir berkata, semua lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 yang memperoleh keputusan 10A ke atas dan tidak mendapat tempat di matrikulasi atau program asasi universiti awam (UA) akan ditawarkan tempat sewajarnya.

Justeru, katanya, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan akan bekerjasama mengenal pasti kumpulan pelajar terlibat.

"Mungkin mereka tidak mendapat tempat di matrikulasi tetapi mereka boleh dapat program asasi di UA (universiti awam). Saya fikir sekarang ialah tempoh untuk penyesuaian, sama ada mereka dapat kedua-duanya atau biasiswa. Mereka perlu memilih satu.

"Kami percaya kami tidak mempunyai banyak isu kerana tempat di universiti di bawah program asas serta matrikulasi mencukupi," katanya selepas pertemuan Concorde Club di sini semalam.

Bersambung di muka 2



Utusan Malaysia
SELASA • 2 JULAI 2024

2

ZAMBRY
Abdul Kadir
bertemu
dengan
rakan-rakan
editor kanan
dalam
pertemuan
Concorde
Club, di Kuala
Lumpur
semalam.

Tiada pelajar cemerlang SPM tercicir

Dari muka 1

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan semua lulusan SPM yang mendapat keputusan 10A ke atas tanpa mengira kaum dan wilayah akan ditawarkan peluang melanjutkan pengajian pada peringkat matrikulasi.

Katanya, ia merupakan keputusan yang dipersetujui Jemaah Menteri pada mesyuarat Jumaat lalu.

Keputusan permohonan program matrikulasi KPM dan program asasi UA di bawah KPT bagi lulusan SPM 2023 diumumkan, masing-masing pada 20 Jun dan 28 Jun lalu.

Selain itu, Zambry berkata, mereka yang meraih keputusan 10A ke atas atau keputusan semua A namun tidak mendapat tempat pada kedua-dua program berkenaan, boleh mengemukakan rayuan.

Mengulas berkenaan pengumuman Perdana Menteri, Zambry berkata, langkah itu sebahagian usaha kerajaan untuk memastikan peluang saksama dan mengiktiraf pelajar yang menunjukkan kecemerlangan dalam pelajaran serta mengingatkan semua pihak agar tidak menjadikan keputusan itu sebagai bahan politik.

"Kuota Bumiputera tidak

tergugat tetapi dalam masa sama jumlah yang dapat 10A ke atas akan diberikan pada semua dan memang kita boleh bagi pada semua. Jadi, tidak timbul isu kuota bumiputera dikurangkan," katanya.

Dalam pada itu, kerajaan menegaskan untuk tetap mempertahankan kuota bumiputera dalam jaminan tempat melanjutkan pengajian di peringkat matrikulasi, tetapi pada masa sama mengiktiraf pelajar-pelajar yang cemerlang berdasarkan prinsip meritokrasi.

Perdana Menteri berkata, prinsip itu adalah adil dan munasabah selagi mereka yang cemerlang itu adalah rakyat di negara ini tanpa mengira kaum mesti dipelihara.

Menurut beliau, negara sejak merdeka sekian lama telah cuba dalam persaingan pendidikan dalam konteks Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menuju tahap lebih cemerlang dan kian ramai mendapat 10A ke atas dalam kalangan Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak.

"Tiap kali kerana kita ada kuota bumiputera, kadang-kadang dijadikan isu keterlaluan, di satu pihak nak menafikan hak minoriti, satu pihak lagi nak pertikai prinsip Perlembagaan dan jaminan kepada bu-

miputera terutama secara nisbi dalam kedudukan lebih rendah kerana kemudahan di desa dan miskin bandar.

"Maka kita ambil jalan agak adil dan munasabah. Kalau dia itu rakyat di negara kita, maka harus pelihara. Kita juga menerima kenyataan tentang meritokrasi. Siapa dapat 10A tanpa mengira kaum dan wilayah, kita berikan jaminan tempat di matrikulasi atau bagi bumiputera, ada asasi," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan Perdana Menteri Bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini semalam.

Anwar berkata, hampir setiap tahun Kementerian Pendidikan Malaysia terpaksa menghadapi isu sebegini kerana pembentukan itu menghangatkan suhu politik menyebabkan ketegangan kaum dan sosial.

Katanya, dasar kuota bumiputera harus dikekalkan kerana ini keputusan sudah lama dan dikaitkan dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 153, dan jaminan masa depan Melayu supaya jangan berlaku kesenjangan.

Bagaimanapun, jelas beliau, prinsip meritokrasi yang turut diamalkan mesti mengikut konsep keadilan dan kesaksamaan melibatkan semua pihak.

'Tindakan disiplin jika ada bukti kempen guna jentera kerajaan'

Anwar pegang prinsip, elak budaya rasuah pemimpin politik pada pilihan raya

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tindakan disiplin akan diambil sekiranya terdapat bukti menteri atau agensi kerajaan menggunakan jentera kerajaan ketika kempen pilihan raya, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Jemaah Menteri sudah memutuskan sebarang penggunaan jentera kerajaan dalam kempen pilihan raya, khususnya selepas hari penamaan calon adalah tidak dibenarkan sama sekali.

"Sebaik selesai hari penamaan calon, menteri atau timbalan menteri atau mana-mana agensi tidak dibenarkan sama sekali untuk menggunakan jentera kerajaan dalam kempen. Kalau sebelumnya soal lain. Kalau ada bukti yang disampaikan tentunya kita akan ambil tindakan wajar."

"Saya tidak berdolak-dalik sama ada sebelah sini (kerajaan) atau sana (pembangkang). Jika ada menteri atau agensi kerajaan gunakan jentera kerajaan semasa kempen, ia sudah melanggar komitmen Jemaah Menteri dan tindakan disiplin mesti diambil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Awang Hashim (PN-Pendang) pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Anwar berkata, prinsip itu harus dipegang bagi mengelak budaya rasuah dalam kalangan pemimpin politik.

"Ini ada kaitan dengan prinsip yang kita bawa mengenai budaya rasuah. Jadi, kita tak mahu hal ini diteruskan."

"Tapi kalau penerusan projek sebelum (hari) penamaan calon, itu saya fikir tak perlu dibangkitkan kerana keputusan Jemaah Menteri adalah sebaik penamaan calon, memang tak boleh, itu keputusannya," katanya.

Elak terabit salah laku

Menjawab soalan asal Awang yang ingin tahu fokus kerajaan dalam usaha pencegahan rasuah, meningkatkan tatakelola dan integriti pentadbiran perkhidmatan awam serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) selaras Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028, Anwar berkata, kerangka strategi itu dijangka dibentangkan di sidang Parlimen, hari ini.

"Ini (NACS 2024-2028) adalah satu kesinambungan yang lalu, tetapi ia dimantapkan secara lebih spesifik mengenai apa-apa

isu mengenai dasar dan strategi pelaksanaan."

"Kita lihat umpamanya, masalahnya ialah penguatkuasaan, dan sebab itu dalam strategi NACS ditekankan lima strategi teras dan ada substrategi dan strategi penguatkuasaan termasuk pendidikan, kebertanggungjawaban awam, suara rakyat dan insentif untuk membanteras rasuah ini," kata Anwar.

Dalam pada itu, Anwar menegaskan, garis panduan dikeluarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai pengendalian sokongan oleh anggota pentadbiran dalam pengurusan kerajaan menetapkan larangan mana-mana anggota pentadbiran termasuk menteri, timbalan menteri dan setiausaha politik menyatakan sebarang minit sokongan ke atas mana-mana permohonan yang diterimanya.

Katanya, garis panduan itu dikeluarkan bertujuan mengelak anggota pentadbiran serta pegawai

wai kanan kerajaan terabit atau terdedah kepada sebarang salah laku dan rasuah.

"SPRM mengeluarkan garis panduan mengenai sokongan kepada anggota pentadbiran dan pengurusan kerajaan, kerana ada permasalahan bila, contohnya saya di Tambun semalam (kelmarin) menerima puluhan surat-surat, pelbagai hal."

"Dulu dilarang sama sekali mencatat apa-apa, tapi sekarang dalam peraturan dibenarkan dan diizinkan untuk memberikan rujukan kepada Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) atau menteri berkenaan, tapi tidak boleh menyatakan sokongan."

"Kalau ada surat, sila teliti, pertimbangkan, tapi tak boleh menyokong, ini yang disebut dalam garis panduan pengendalian sokongan oleh anggota pentadbiran dalam pengurusan kerajaan untuk mengelak salah guna iaitu menteri, setiausaha politik atau pegawai kanan," katanya.

'Buta IT', lemah urus data peribadi memudahkan penjenayah siber menipu

• Ramai menganggap ancaman siber sebagai sesuatu yang jauh daripada realiti hidup mereka dan tidak memberi perhatian serius terhadap perlindungan maklumat peribadi

• Melalui pendidikan, teknologi, pengawasan dan kerjasama pelbagai pihak, risiko jenayah kewangan dikurangkan serta memastikan maklumat peribadi dilindungi dengan baik



Oleh Prof Madya Dr Azwan Abdullah dan Muhammad Zariq Naquiddin Zaid Azwan
bhrencana@bh.com.my



Azwan adalah Ketua Bahagian Jaringan dan Data Raya manakala Muhammad Zariq ialah Penyelidik, Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan

Dalam era digital serba canggih ini, jenayah kewangan siber sudah menjadi ancaman utama kepada kestabilan ekonomi dan keselamatan peribadi. Penggunaan teknologi meluas membolehkan penjenayah siber semakin kreatif mencuri maklumat kewangan dan melaksanakan penipuan dalam talian.

Berdasarkan laporan CyberSecurity Malaysia, jumlah kes jenayah siber pada 2022 adalah 4,741 kes, selain meningkatnya pelbagai bentuk penipuan dalam talian. Kerugian ekonomi akibat jenayah siber mencecah RM600 juta.

Di rantau Asia Pasifik, sektor pembuatan menjadi sasaran utama serangan siber, diikuti sektor kewangan dan insurans. Malaysia turut menghadapi serangan serupa.

Insiden ini berlaku disebabkan kekurangan tenaga kerja dalam bidang keselamatan siber serta ketiadaan pendedahan pendidikan holistik berkenaan keselamatan siber serta implikasinya terhadap jenayah kewangan siber.

Jika disoroti, senario ini berpunca daripada kelemahan dalam pengurusan maklumat peribadi itu sendiri. Ia termasuk kurangnya kesedaran dan pendidikan. Ramai individu masih kurang kesedaran pentingnya melindungi maklumat peribadi.

Mereka tidak memahami risiko dan bagaimana maklumat peribadi boleh disalahgunakan penjenayah. Tanpa pendidikan mencukupi, sukar untuk mereka mengambil langkah diperlukan bagi melindungi maklumat peribadi daripada diceroboh. Sikap acuh tak acuh terhadap keselamatan siber adalah punca utama kelemahan dalam pengurusan maklumat peribadi.

Ramai menganggap ancaman siber sebagai sesuatu yang jauh daripada realiti mereka dan tidak memberi perhatian serius terhadap perlindungan maklumat peribadi mereka. Mereka sering menggunakan kata laluan lemah, berkongsi maklumat peribadi secara terbuka dan tidak mengemas kini perisian keselamatan mereka.

Selain itu, kurangnya pengetahuan penggunaan teknologi keselamatan seperti enkripsi data, perisian antivirus dan pengesanan berbilang faktor adalah masalah utama. Walaupun perkakasan ini penting dalam melindungi maklumat peribadi, tidak semua individu dan organisasi menggunakan teknologi berkenaan dengan betul atau memahami kepentingannya. Ini mendedahkan lagi terhadap penggoda.

Akibat pengurusan maklumat peribadi lemah, risiko penipuan dan pencurian identiti meningkat. Penjenayah siber boleh mencuri maklumat peribadi dan menggunakannya untuk melakukan penipuan kewangan, seperti membuka akaun bank palsu, memohon pinjaman atau membuat pembelian dalam talian tanpa kebenaran.

Kerugian kewangan akibat jenayah siber dan penipuan kewangan boleh menjadi sangat besar, memberi kesan besar terhadap kehidupan dan kestabilan kewangan mangsa.

Selain itu, bagi organisasi, pengurusan maklumat peribadi yang lemah boleh menyebabkan kerosakan reputasi dan kehilangan keyakinan pelanggan. Apabila maklumat peribadi pelanggan dicuri atau disalah guna, ia boleh mengakibatkan kehilangan kepercayaan terhadap organisasi sekali gus menjejaskan perniagaan dan menurunkan nilai pasaran organisasi.

Oleh itu, beberapa langkah perlu diambil bagi meningkatkan kefahaman dan celik pengurusan maklumat peribadi antaranya dengan meningkatkan tahap pendidikan dan kesedaran. Kempen kesedaran perlu dipertingkatkan untuk mendidik orang ramai mengenai ancaman siber dan cara mengurus maklumat peribadi dengan selamat.

Pihak berkuasa dan organisasi boleh bekerjasama menyediakan latihan atau bengkel kepada individu serta pekerja mengenai keselamatan maklumat. Organisasi perlu memastikan sistem teknologi maklumat (IT) mereka dilengkapi dengan teknologi terkini untuk menghalang serangan siber dan melindungi data pelanggan.

Tindakan ini perlu diperkasakan lagi dengan amalan terbaik pengurusan maklumat, penggunaan kata laluan rahsia yang kukuh, mengelakkan berkongsi maklumat peribadi secara terbuka dan mengemas kini perisian keselamatan secara berkala. Individu perlu diajar cara mengenal pasti penipuan dan serangan siber mungkin berlaku melalui emel atau laman web palsu.

Pada masa sama, audit dan pengawasan berkala juga penting untuk memastikan sistem pengurusan maklumat berfungsi dengan baik. Ini termasuk pemeriksaan keselamatan sistem IT, penilaian risiko dan semakan pematuan undang-undang atau peraturan berkaitan.

Langkah ini membantu mengenal pasti kelemahan dan memperbaikinya sebelum boleh dieksploitasi penjenayah. Langkah paling optimum ialah individu dan organisasi perlu mengetahui prosedur pelaporan betul jika berlaku insiden kebocoran atau pencerobohan keselamatan siber.

Polis, SKMM sedia saluran

Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) menyediakan saluran pelaporan yang boleh digunakan oleh orang ramai untuk melaporkan jenayah siber dan penipuan kewangan. Tindakan segera selepas insiden boleh membantu mengurangkan kerugian dan mencegah insiden sama pada masa hadapan.

Kerajaan dan organisasi bertanggungjawab meningkatkan tahap celik pengurusan maklumat peribadi dengan menyediakan sumber dan sokongan mencukupi bagi membantu individu atau pekerja tidak terus 'buta IT'.

Serentak dengan itu, organisasi perlu membangunkan dan mengamalkan polisi keselamatan maklumat jelas dan komprehensif, merangkumi semua aspek pengurusan maklumat, perlindungan data pengurusan risiko dan pematuan undang-undang.

Polisi ini perlu dihebahkan dengan jelas kepada semua pekerja dan dikaji semula secara berkala untuk memastikan kekal relevan menepati ancaman semasa.

Apa yang penting, mewujudkan budaya keselamatan siber yang kuat adalah satu keutamaan bagi memastikan pekerja mengambil serius isu keselamatan maklumat dan data peribadi. Ini boleh dicapai dengan menggalakkan komunikasi terbuka mengenai isu keselamatan siber, memberikan insentif kepada amalan keselamatan siber baik dan menunjukkan komitmen pengurusan terhadap keselamatan maklumat.

Budaya keselamatan siber yang baik akan memastikan semua pihak dalam organisasi mengambil langkah perlu untuk melindungi maklumat peribadi dan organisasi dengan kukuh. Melalui pendidikan, teknologi, pengawasan dan kerjasama pelbagai pihak, kita dapat mengurangkan risiko jenayah kewangan serta memastikan maklumat peribadi dilindungi dengan baik.

Peranan kerajaan dan organisasi adalah penting dalam menyediakan sokongan serta sumber diperlukan untuk membantu individu mencapai tahap celik pengurusan maklumat peribadi diperlukan bagi menghadapi cabaran masa kini dan masa depan.



Rencana


Utusan Malaysia
RABU • 10 JULAI 2024

14



Oleh Noor Zuraidin Mohd Safar & Mohd Hatta Md Hani

Tingkat penguasaan digital pendidik TVET di Malaysia



KOMPETENSI digital adalah penting bagi pendidik untuk meningkatkan kaedah pengajaran, menjadikan pelajaran lebih menarik dan interaktif. - UTUSAN

PENDIGITALAN dalam pendidikan telah memberikan cabaran baharu kepada para pendidik yang memerlukan set kemahiran yang pelbagai untuk menangani keperluan pemodenan dalam dunia pendidikan. Para pendidik Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia amat terkesan, kerana kerajaan telah menekankan kepentingan TVET dalam menyediakan tenaga kerja bagi menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0).

Pendidik TVET menghadapi cabaran untuk kekal berdaya saing dengan landskap digital yang berkembang pesat dan menyepadukan teknologi ke dalam amalan pengajaran. Kemajuan pantas teknologi digital dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah mengubah pendidikan secara drastik. Dengan adanya sumber digital, pelajar kini mempunyai akses tanpa had kepada maklumat dan mengubah peranan pendidik daripada pengajar secara konvensional kepada pemudah cara pembelajaran.

Kompetensi digital adalah penting bagi pendidik untuk meningkatkan kaedah pengajaran, menjadikan pelajaran lebih menarik dan interaktif. Penguasaan alatan digital membolehkan pendidik menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran moden, mengurus dan menyampaikan kursus dalam talian atau hibrid dengan cekap dan menyelaraskan tugas pentadbiran.

Pendigitalan mampu memberikan penumpuan kepada pengajaran dan medium sokongan kepada pelajar. Pendigitalan ini juga meliputi kebolehcapaian dan keterangkuman kepada pelajar, memenuhi keperluan pembelajaran yang pelbagai dan menyediakan pelajar untuk dunia digital dalam pendidikan tinggi dalam persediaan kerjaya masa depan. Justeru, kompetensi digital membolehkan pendidik menyediakan pendidikan yang berkualiti tinggi, relevan dan berkesan dalam dunia yang dipacu teknologi pada waktu kini.

TINGKAT KUALITI P&P

Kompetensi digital merupakan aspek kritikal bagi para pendidik dalam usaha mempertingkatkan kaedah pengajaran untuk menjadikan pelajaran lebih menarik serta interaktif. Penguasaan alatan digital membolehkan para pendidik menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran moden.

Dengan kemahiran ini, mereka mampu mengurus dan menyampaikan kursus dalam talian atau hibrid dengan lebih cekap, di samping menyelaraskan tugas-tugas pentadbiran dengan lebih efektif. Tambahan pula, pendidik yang berkemahiran digital dapat memanfaatkan teknologi untuk mengembangkan bahan pengajaran yang inovatif, memantau kemajuan pelajar secara masa nyata (*real-time*), serta menyediakan sokongan dan maklum balas yang lebih tepat kepada para pelajar.

Kompetensi digital juga membolehkan mereka untuk menerapkan pendekatan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar, yang mana teknologi digunakan untuk memenuhi keperluan individu pelajar dan meningkatkan keterlibatan mereka dalam proses pembelajaran. Dengan kemahiran digital yang kukuh, pendidik dapat memanfaatkan pelbagai

aplikasi dan platform untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang pelbagai dan berkesan. Pendidik juga mampu menggunakan teknologi untuk mengukur kemajuan pelajar secara berterusan dan memberi maklum balas yang lebih terperinci dan segera.

Selain itu, kompetensi digital membolehkan pendidik berkolaborasi dengan rakan sekerja dan berkongsi sumber pendidikan yang inovatif. Ini juga meningkatkan keupayaan mereka untuk menyediakan medium sokongan tambahan kepada pelajar, seperti tutorial dalam talian, video pembelajaran dan forum perbincangan. Penguasaan digital memperkasakan pendidik untuk memberikan tumpuan yang lebih kepada pengajaran berkualiti tinggi, membantu mereka menyesuaikan diri dengan perubahan dalam landskap pendidikan dan memastikan mereka dapat memenuhi keperluan pelajar masa kini.

KOMPETENSI DIGITAL KEPADA PENDIDIK TVET

Penguasaan alatan digital membolehkan para pendidik menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran moden yang semakin berteknologi tinggi. Tambahan pula, pendidik yang berkemahiran digital dalam TVET dapat

memanfaatkan teknologi untuk mengembangkan bahan pengajaran yang inovatif dan relevan dengan industri, memantau kemajuan pelajar secara *real-time*, serta menyediakan sokongan dan maklum balas yang lebih tepat kepada para pelajar. Penerapan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar juga boleh diaplikasikan kepada pendekatan pendigitalan TVET.

Dalam TVET, penggunaan teknologi digital seperti simulasi, perisian reka bentuk dan alat kolaborasi dalam talian dapat meningkatkan kemahiran praktikal pelajar serta menyediakan mereka dengan pengalaman yang lebih dekat dengan situasi sebenar di tempat kerja. Ini bukan sahaja memperkukuhkan kemahiran teknikal mereka tetapi juga mempersiapkan mereka untuk memenuhi tuntutan industri yang semakin kompleks dan dinamik. Oleh itu, kompetensi digital adalah penting bagi pendidik TVET untuk memastikan pelajar bersedia menghadapi cabaran dalam dunia pekerjaan moden.

Namun, pelaksanaan kompetensi digital dalam TVET tidak lari daripada cabaran. Salah satu cabaran utama adalah kekurangan akses kepada teknologi yang canggih dan terkini, terutamanya di kawasan luar bandar. Selain itu, terdapat juga cabaran dalam menyediakan latihan yang mencukupi dan berterusan kepada para pendidik untuk memastikan mereka sentiasa terkini dengan perkembangan teknologi. Masalah kewangan juga boleh menjadi halangan, kerana peralatan digital dan perisian yang diperlukan mungkin memerlukan pelaburan yang besar.

Beberapa langkah pelaksanaan yang boleh diambil termasuk memperluaskan akses kepada teknologi melalui inisiatif kerajaan dan kerjasama dengan sektor swasta. Institusi penyedia pendidikan dan pengajian tinggi telah melaksanakan kajian yang berterusan berkaitan inovasi pengajaran dan pembelajaran yang menyumbang kepada pendidikan berasaskan digital TVET.

Hasil daripada kajian demi kajian ini merencanakan lagi

transformasi pengajaran berbentuk konvensional kepada digital. Program latihan dan pembangunan profesional yang berterusan harus disediakan kepada pendidik untuk memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran digital yang relevan. Selain itu, pendekatan pembelajaran campuran (*blended learning*) yang menggabungkan pembelajaran dalam talian dan bersemuka boleh digunakan untuk memaksimumkan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kompetensi digital adalah penting bagi pendidik TVET di Malaysia dalam era Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0). Pendigitalan dalam pendidikan memerlukan pendidik untuk menguasai kemahiran digital untuk menyesuaikan diri dengan teknologi yang berkembang pesat. Penguasaan alatan digital membolehkan pendidik meningkatkan kaedah pengajaran, menjadikan pelajaran lebih menarik dan interaktif, serta menyediakan sokongan yang lebih baik kepada pelajar.

Dalam konteks TVET, teknologi digital seperti simulasi dan perisian reka bentuk dapat memperkukuhkan kemahiran praktikal pelajar dan mempersiapkan mereka untuk memenuhi tuntutan industri. Walaupun terdapat cabaran seperti kekurangan akses kepada teknologi canggih dan latihan berterusan, langkah-langkah seperti inisiatif kerajaan dan kerjasama dengan sektor swasta dapat membantu mengatasi halangan ini. Secara keseluruhannya, penguasaan kompetensi digital oleh pendidik TVET adalah penting untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti dan relevan, memenuhi keperluan pelajar dan mempersiapkan mereka untuk dunia pekerjaan moden dan dinamik.

DR. Noor Zuraidin Mohd Safar ialah Pensyarah Kanan Jabatan Keselamatan Maklumat dan Teknologi Web Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) manakala Mohd. Hatta Md. Hani Pensyarah Kanan Jabatan Teknologi Maklumat Pusat Pengajian Diploma di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

UIAM
BERHUJAH

Oleh
Norazilee
Abd. Aziz



SEMINAR Antarabangsa Pentadbir Universiti (INASA) 2024 anjuran UIAM telah melabuhkan tirainya dengan jayanya pada 4 Julai, 2024 di International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM), Kuala Lumpur.

Ia berpaksikan kepada lima fokus utama iaitu memartabatkan integrasi teknologi digital tujuan kelestarian, membangunkan infrastruktur kampus yang mampan, melibatkan komuniti dalam inisiatif dan program kampus, menggalakkan amalan kelestarian melalui tadbir urus dan menggalakkan sokongan dan kepimpinan dalam pendidikan, berjaya menarik penyertaan dari dalam dan luar negara.

Resolusi seminar ini secara dasarnya menyatakan pentadbir yang berkualiti mesti mampu membawa beberapa aspek penting yang perlu ditonjolkan untuk mencapai tahap kecemerlangan dalam pentadbiran dan organisasi. Pentadbir bukan sahaja perlu menguruskan operasi harian dengan cekap, tetapi juga harus memiliki pemikiran yang kritis, bertindak sebagai ejen perubahan, dan berinovasi tinggi. Keupayaan untuk berfikir secara analitik dan menyelesaikan masalah dengan efektif adalah kunci kepada kepimpinan yang berwibawa.

Menjadi ejen perubahan memerlukan keberanian untuk memperkenalkan dan melaksanakan inisiatif baharu yang mampu memacu organisasi ke arah kejayaan.

BERSIFAT KRITIS

Pentadbir harus mampu berfikir secara analitik dan kritis untuk mengenal pasti masalah serta mencari penyelesaian yang tepat. Ini termasuk keupayaan untuk menganalisis data, menilai risiko dan membuat keputusan yang berinformasi.

Pentadbir harus mampu menganalisis situasi dan masalah dengan teliti sebelum membuat keputusan. Kemampuan untuk menganalisis situasi dan masalah dengan teliti adalah kritikal bagi seorang pentadbir. Seorang pentadbir dapat membuat keputusan yang lebih tepat dan berkesan, yang dapat membantu



PENTADBIR bukan sahaja perlu menguruskan operasi harian dengan cekap, tetapi juga harus memiliki pemikiran yang kritis, bertindak sebagai ejen perubahan dan berinovasi tinggi. - GAMBAR KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Pentadbir universiti mesti kritis, jadi ejen perubahan

mencapai objektif organisasi dan menyelesaikan masalah dengan lebih efisien.

Menggunakan data dan maklumat yang ada untuk membuat penilaian yang tepat adalah penting dalam proses membuat keputusan. Dengan menganalisis data secara mendalam, seseorang dapat memahami situasi dengan lebih jelas, mengenal pasti tren dan pola, serta membuat keputusan yang tepat. Penilaian yang berdasarkan data dapat mengurangkan risiko kesilapan dan meningkatkan kebarangkalian kejayaan kerana berasaskan bukti yang kukuh dan fakta yang sahih.

EJEN PERUBAHAN

Pentadbir yang berjaya mesti mampu menjadi perubahan yang progresif dalam organisasi. Mereka harus berani mengambil risiko dan membuat keputusan yang boleh membawa kepada perubahan positif. Ini termasuk mengurus perubahan dengan cekap dan memotivasi pasukan untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut. Pentadbir mesti bersedia dan mampu mendorong perubahan dalam organisasi. Ini termasuk memperkenalkan dan melaksanakan inisiatif baharu yang dapat meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi organisasi.

Pentadbir mesti mempunyai kemampuan untuk memimpin perubahan dan menginspirasi

orang lain untuk menerima perubahan tersebut. Kemampuan untuk memimpin dan membudayakan perubahan melibatkan keupayaan untuk mengenali keperluan untuk berubah, merancang strategi yang efektif dan mengerakkan orang lain untuk menyokong perubahan tersebut. Ini termasuk menginspirasi orang lain dengan visi yang jelas, berkomunikasi secara efektif, dan membangkitkan semangat serta keyakinan dalam diri mereka.

Pentadbir yang cekap mampu menyesuaikan diri dengan cepat terhadap perubahan dalam persekitaran kerja. Kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan cepat terhadap perubahan dalam persekitaran kerja adalah kunci kejayaan dalam dunia profesional yang dinamik. Ini melibatkan fleksibiliti untuk mengadaptasi strategi, mengubah cara kerja, dan mengambil tindakan yang sesuai dengan perubahan yang berlaku.

Pentadbir mempunyai visi yang jelas dan strategi untuk mencapai matlamat jangka panjang, penting dalam mencapai kejayaan dalam sesuatu organisasi atau projek.

BERINOVASI TINGGI

Pentadbir yang berinovasi tinggi sentiasa mencari cara baharu untuk memperbaiki proses, produk, atau perkhidmatan. Mereka

terbuka kepada idea-idea baru dan berani mencuba pendekatan yang berbeza. Dalam dunia yang sentiasa berubah, inovasi adalah kunci untuk kekal relevan dan kompetitif.

Ini termasuk memanfaatkan teknologi terkini, menggalakkan budaya inovasi dan memupuk kreativiti dalam kalangan kakitangan. Pentadbir sentiasa menggalakkan pemikiran kreatif dan mencari penyelesaian baharu kepada masalah adalah kritikal untuk inovasi dan kemajuan.

Pentadbir mampu memanfaatkan teknologi terkini adalah kunci untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pentadbiran. Ini melibatkan penggunaan sistem dan perisian terkini untuk automatik proses, meningkatkan akses kepada maklumat yang penting dan membolehkan komunikasi yang lebih cepat dan berkesan. Dengan mengadaptasi teknologi yang sesuai, organisasi dapat mengurangkan kesilapan, mengoptimumkan penggunaan sumber dan menyesuaikan operasi dengan cara yang lebih responsif terhadap perubahan persekitaran dan teknologi.

Dengan menggabungkan ketiga-tiga kualiti ini, pentadbir dapat menjadi lebih efektif dalam menjalankan tugas mereka dan memberi impak positif kepada organisasi. Pentadbir dapat memastikan bahawa

organisasi mereka bukan sahaja mampu bertahan, terus relevan dan kompetitif tetapi juga berkembang maju dalam persekitaran yang sentiasa berubah.

Pentadbir juga disyorkan untuk banyak membaca dan menulis kerana ia memperluas pengetahuan, memperkaya pemikiran, dan meningkatkan kemahiran komunikasi. Aktiviti ini membantu kita memahami isu-isu semasa, mengeksplorasi idea-idea baharu dan memperbaiki kemahiran analitikal serta penyelesaian masalah.

Dalam dunia yang semakin kompleks dan dinamik, pentadbir yang tidak memiliki ciri dan kualiti mungkin menghadapi pelbagai cabaran yang merugikan organisasi. Justeru boleh menjadi halangan besar kepada perkembangan dan kejayaan sesebuah organisasi. Tanpa pemikiran kritis, pentadbir cenderung membuat keputusan yang kurang berinformasi dan gagal mengenal pasti serta menyelesaikan masalah dengan efektif.

Oleh itu, penting bagi setiap pentadbir untuk mengembangkan ketiga-tiga ciri ini dengan banyakk membaca dan menulis demi memastikan kejayaan serta kelestarian organisasi dan kemajuan diri sendiri.

PENULIS adalah Timbalan Pengarah Kanan di Sultan Ahmad Shah Medical Centre @IIUM (SASMEC @IIUM) Kuantan.

PM beri jaminan SSPA kali ini terbaik pernah diperkenalkan

Komitmen naikan gaji penjawat awam melebihi 13 peratus tetap dilaksana Disember ini

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Bangi: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi jaminannya Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang bakal diumumkan dan dimuktamadkan ketika Belanjawan 2025, adalah yang terbaik pernah diperkenalkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, komitmen menaikkan gaji penjawat awam melebihi 13 peratus bermula Disember ini, akan dijayakan, biarpun negara dibebani hutang tinggi mencecah RM1.5 trilion.

Beliau berkata, pentadbirannya menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertungkus lumus mencari jalan menjayakan komitmen itu, disamping memastikan tiada sektor perkhidmatan awam yang tertinggal dan segala kelompangan diisi.

"SSPA ini ada dua pihak kritik. Ahli ekonomi kata, Anwar tidak praktikal, dia nak popular maka tidak ada wang, dia naik juga dan jumlahnya besar.

"Yang satu pihak lagi (pembangkang) kata, tidak mungkin



Anwar membantu dua murid sekolah memasukkan kapsul masa sambil perhatikan Fadhlina, Amirudin, Wan Ahmad Dahlan (kanan) dan Aminuddin (dua dari kanan) pada Majlis Sambutan Jubli Emas NUTP di Bangi, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

berlaku. Tak mengapa, kamu tunggu. Kalau naik, aku mahu tengok muka kamu di mana.

"Skim ini yang akan saya umumkan dalam masa singkat, dimuktamadkan ketika belanjawan, tentunya saya anggap terbaik yang pernah diumumkan dalam negara," katanya ketika berucap pada sambutan Jubli Emas Penubuhan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

(KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Presiden NUTP, Aminuddin Awang.

Tertinggi dalam sejarah

Pada 1 Mei lalu, Anwar mengumumkan penjawat awam bakal menikmati kenaikan gaji lebih 13 peratus yang juga kadar tertinggi dalam sejarah perkhidmatan awam negara, seiring pengenalan SSPA.

Perdana Menteri berkata, kenaikan gaji itu mesti diiringi de-

ngan peningkatan khidmat dan produktiviti penjawat awam.

"Saya harap betul-betul. Skim baik, khidmat penjawat awam harus juga meningkat. Orang ramai yang terpaksa menunggu berjam-jam di pejabat kerajaan, baik pejabat daerah, Jabatan Imigresen, JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan), sebaiknya hentikan amalan ini. Kerja dengan sebaik mungkin," katanya.

Anwar menegaskan, beliau juga tidak kisah dan sudah lali dengan kritikan orang ramai di media sosial terhadap usaha pen-

tadbirannya melawan rasuah dan melaksana pelbagai reformasi kepada pentadbiran awam.

"Dalam media sosial saya kena maki berbakul-bakul. Apa saya peduli. Selagi saya ada kuasa, diberi mandat kerajaan dan ihsan Yang di-Pertuan Agong, saya akan kerja sekuat mungkin.

"Adakah dia mengganggu pandangan kita? Tidak mengganggu. Dalam dua minggu ini kita akan mesyuarat lagi. Saya nak pastikan apabila saya umumkan begitu, mungkin segala kelompangan itu dapat diisi," katanya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KDEB WASTE MANAGEMENT, UUM METERAI KERJASAMA TINGKAT KESEDARAN TVET

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 13

TARIKH : 14/07/2024

SHAH ALAM - KDEB Waste Management menandatangani Perjanjian Kerjasama Penyelidikan (RCA) bersama School of Education Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi meningkatkan kesedaran mengenai Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Pengarah Urusannya, Datuk Ramli Mohd Tahir berkata, penyelidikan tersebut akan meninjau tahap kesedaran TVET dalam kalangan kakitangan syarikat pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam KDEB Waste Management.

Menurutnya, melalui kerjasama itu, KDEB Waste Management akan menyediakan peruntukan kewangan sebagai geran penyelidikan kepada UUM.

"Selain itu, Jabatan Operasi dan Jabatan Komunikasi Korporat KDEB Waste Management akan memberi sokongan penuh sepanjang projek penyelidikan ini berlangsung selama setahun.

"Sokongan ini termasuk pengumpulan data, temu bual, lawatan tapak dan lain-lain aktiviti berkaitan KDEB Waste Management," katanya pada majlis menandatangani RCA antara KDEB Waste Management bersama School of Education UUM di sini pada Jumaat.

Majlis menandatangani RCA itu diwakili oleh Ramli bagi pihak KDEB Waste Management dan Naib Canselor UUM, Profesor Datuk Dr Mohd Foad Sakdan mewakili pihak universiti.

Hadir sama, Pengurus Besar Operasi KDEB Waste Management, Mohd Idris Mohamed Yusof dan

KDEB Waste Management, UUM meterai kerjasama tingkat kesedaran TVET

14/7/24 No 13 Sinar



Ramli (duduk, dua dari kiri) dan Mohd Foad (duduk, dua dari kanan) pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani RCA.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UUM, Profesor Dr Russayani Ismail.

Ramli berkata, KDEB Waste Management percaya kerjasama penyelidikan akan memberi manfaat besar kepada syarikat dalam pelbagai aspek termasuk peningkatan kecekapan kewangan, operasi harian dan kelestarian.

Tambah beliau, hasil penyelidikan tersebut diharap dapat menyumbang ke-

pada penerbitan jurnal akademik dan kajian literatur berguna sebagai rujukan kepada pelajar, penyelidik, pensyarah serta masyarakat.

"Sebagai anak syarikat Menteri Besar Incorporated Selangor (MBI), KDEB Waste Management telah diberi mandat oleh kerajaan Selangor untuk menguruskan kutipan sisa domestik dan pembersihan awam di negeri ini.

"Penubuhan syarikat ini bertujuan me-

ningkatkan kecekapan operasi pengurusan sampah, sekali gus memastikan kebersihan dan kehijauan negeri Selangor terpelihara," jelas beliau.

Penyelidikan yang akan berakhir pada Julai tahun depan itu akan di-kendalikan Profesor Madya Ts Dr Shanusi Ahmad selaku ketua penyelidikan bersama rakan penyelidik, Profesor Ts Dr Irwan Mahazir Ismail.

Siswa reka mesin salinan dalam telefon bimbit

JOHOR BAHRU: Tiga mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai berjaya membuka syarikat mesin salinan automatik di dalam kampus.

Mesin salinan berteknologi automatik diberi nama PrinTEX-Automated Printing Machine itu memudahkan para penuntut terutama yang mahu membuat salinan pada bila-bila masa termasuk tengah malam dengan hanya menggunakan telefon bimbit.

Ketua Pegawai Operasi Unit Teknologi, Fikri Akmal Aizuddin berkata, idea membangunkan mesin salinan automatik itu tercetus apabila melihat ramai penuntut menghadapi masalah untuk membuat salinan terutama apabila kedai sudah tutup pada waktu malam.

"Saya dan dua lagi rakan di Fakulti Komputer, iaitu Iqmal Aizat Mohd. Zamri dan Low Lie Xin mencari idea untuk membuat mesin salinan secara automatik. Hasil penyelidikan selama setahun dan membuat kajian dan percubaan tentang keberkesanan mesin ini, akhirnya kami beroleh kejayaan," katanya kepada *Utusan Malay-*

sia.

Sebelum ini mereka membuat aplikasi dan kod respons pantas (QR) dalam telefon bimbit bagi memudahkan akses terhadap mesin automatik berkenaan.

"Mesin cetak dibeli terlebih dahulu, kemudian memasukkan peralatan elektronik yang telah diubah suai serta alat kawalan diletakkan di dalam kotak tertutup.

"Pengguna hanya perlu mengakses aplikasi pada telefon bimbit dan salinan yang akan dicetak telah siap dalam telefon sebelum dicetak.

"Bayaran yang dikenakan hanya 10 sen sekeping dan beroperasi 24 jam," katanya sambil memaklumkan mesin itu diletakkan di lokasi yang menjadi tumpuan penuntut untuk membuat salinan sama ada berwarna atau hitam putih.

Dalam pada itu, syarikatnya menerima geran berjumlah RM20,000 sebagai penghargaan atas inisiatif mereka mewujudkan syarikat pemula berasaskan teknologi untuk meneroka penemuan baharu yang boleh dimanfaatkan komuniti, industri dan negara.



(DARI KIRI) FIKRI Akmal Aizuddin, Iqmal Aizat Mohd. Zamri dan Low Lie Xin bersama PrinTEX - Automated Printing Machine yang dibangunkan di UTM, Skudai, Johor Bahru.

Rencana



MOHD KAMAL AHMAD

MENJELANG 2034, armada bas negara bakal ditransformasi sepenuhnya kepada kenderaan elektrik (EV). Ini sekali gus menukar imej pengangkutan awam yang sekian lama menggunakan enjin diesel dan menyumbang kepada pelepasan gas toksik, karbon dioksida kepada sektor pemacu ekonomi baharu, hijau serta lestari.

Ini bermakna dalam tempoh 10 tahun lagi semua pemilik bas sekolah, kilang, ekspres dan berhenti-henti perlu menukar lebih 60,000 bas enjin diesel dan menggantikannya dengan bas EV. Pelaksanaan arahan ini akan merancakkan revolusi elektrik dan merubah lanskap mobiliti rakyat selain mempercepat serta memperkukuhkan pembinaan ekosistem baharu pengangkutan bas EV awam negara.

Cuma persoalannya, mampukah operator bas melaksanakan arahan Kabinet ini bagi merealisasikan matlamat hijau dan lestari?

Jawapannya belum pasti. Ini tertakluk beberapa faktor melibatkan pembabitan, sokongan dan kesungguhan banyak pihak. Kerajaan, agensi, institusi perbankan dan insurans, pemain industri, pemodal, teknologi dan kepakaran serta sistem pendidikan adalah antara faktornya. Penggubalan dasar, pelaksanaan pelan dan kemampuan industri mengharungi pasaran dalam jangka masa panjang turut menentukan ekosistem pengangkutan bas awam sama ada satu ilusi ataupun wujud dengan struktur rapuh.

Namun, lebih baik jika kita lihat sisi positif senario ini. Kita rungkai sudut ekosistem yang mulai wujud dan meyakinkan susulan langkah

Bina ekosistem sektor bas EV negara

Mara menerusi anak syarikatnya, Mara Liner Sdn. Bhd. yang memeterai perjanjian kerjasama dengan syarikat pembina chassis bas tempatan, SKS Coach Builders (SKS) serta dua syarikat konglomerat China iaitu CRRC Corporation dan China Electrical Equipment Group, baru-baru ini. Semua entiti itu sepakat merintis perniagaan bidang baharu menjurus kepada penajaan kuasa tenaga boleh diperbaharui, menyelenggara dan baik pulih bas EV serta penyimpanan tenaga solar dan bateri.

Pencapaian di Shanghai itu membuktikan kesungguhan kerajaan apabila melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Kebangsaan (NETR) dan mulai membuahkan hasil apabila cadangan ikhtiar Mara Liner menerusi perjanjian itu secara asasnya akan membentuk ekosistem sektor bas elektrik domestik.

Ekosistem itu terangkum ikhtiar melahirkan tenaga mahir berkompiten menerusi latihan lanjutan serta pekerjaan dalam syarikat China terbabit kepada pelajar institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di bawah sayap pendidikan Mara.

Malah, untuk memenuhi keperluan tenaga kerja sektor EV sekarang dan masa depan, Mara sewajarnya merintis kemungkinan menubuhkan kolej khas bahkan universiti EV. Autupun, Universiti Kuala Lumpur menawarkan kursus khusus EV supaya institusi itu berada dalam ekosistem EV negara seperti objektif penubuhan universiti automotif di Pekan, Pahang untuk kepentingan ekosistem industri automotif nasional.

Kesungguhan kerajaan membina armada bas EV dan menggalakkan

penggunaan kenderaan EV lain adalah kerana ia merupakan antara kayu pengukur pencapaian transisi kepada ekonomi baharu sesebuah negara sekarang mahupun akan datang. Contoh, 100 peratus bas awam di China adalah EV. Ini pencapaian hebat transformasi pengangkutan bas negara itu.

Malaysia juga mampu mencapai sasaran sifar bas enjin diesel pada 2034 dengan syarat semua pihak termasuk operator mesti menyokong industri bas EV tempatan. Kita perlu membangunkan ekosistem bas EV seperti mana kita mendukung industri dan membeli kereta nasional, Proton Saga yang dikeluarkan sejak 1985.

Seterusnya, ekosistem bas EV perlu melibatkan pembangunan komuniti vendor dan usahawan Mara untuk membekalkan pelbagai komponen kenderaan itu selain pembabitan peserta (usahawan) Program ProPower Mara menerusi peminjaman teknologi dan kepakaran daripada rakan strategik dari China itu.

Menyokong industri bas EV tempatan juga diterjemahkan menerusi pendekatan strategik pihak pembekal bas dan operator iaitu mempraktikkan kaedah pajakan atau skim sewa bulanan. Kaedah itu lebih menjimatkan kos operator yang tidak perlu membeli bas dan seterusnya terpaksa berbelanja besar untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih serta menyediakan

peralatan mengecas bateri.

Ini bermakna operator sama ada syarikat milik kerajaan, agensinya atau pihak berkuasa tempatan hanya menggunakan bas dan membayar sewa. Ketika ini SKS dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempraktikkan konsep ini. Kaedah ini dipraktikkan di kebanyakan negara maju sebab kosnya lebih murah sekali gus tidak membebaskan kewangan kerajaan yang selama ini perlu memberi subsidi kepada operator bas awam.

Sementara itu, apabila kerajaan menyediakan subsidi ataupun insentif untuk membiayai sebahagian kos operasi bas EV maka insentif dan kemudahan pembiayaan lain perlu ditawarkan kepada pemain dalam ekosistem industri EV. Ini bagi menggalakkan pertumbuhan industri itu seperti dibuktikan oleh SKS yang turut melebarkan sayap operasi ke Thailand dan Indonesia.

Pada masa sama, keutamaan dan sokongan perlu diberi kepada syarikat automotif tempatan untuk mengadaptasi dan menyertai revolusi kenderaan EV. Syarikat pengeluar, vendor dan usahawan dalam ekosistem kereta konvensional tempatan mesti dibantu supaya boleh menyertai perniagaan baharu dalam ekosistem industri EV domestik. Sebabnya, komuniti industri itu perlu menyambung obligasi nasional iaitu

mengeluarkan kenderaan EV mulai sekarang untuk keperluan rakyat.

Justeru, negara akhirnya memerlukan dasar industri EV komprehensif serta holistik supaya selari dengan objektif NETR dan Dasar TVET Negara 2030 bagi membina ekosistem industri EV domestik secara keseluruhan.

Wujudnya beberapa pelan, dasar dan ikhtiar berkaitan EV perlu diberi perhatian supaya tidak saling bertindih dan bertentangan sehingga menyukarkan semua pihak terlibat untuk mencapai matlamat membina ekosistem EV dalam revolusi elektrik sekarang. Lebih baik jika ia saling diselaraskan dan dipermudah serta holistik demi kepentingan pengguna dan industri EV.

Kemuncak semua ikhtiar ini adalah untuk melihat keupayaan industri automotif di Malaysia mengotakan ikrar untuk berpindah kepada pengeluaran kenderaan EV sepenuhnya sebelum 2050 dan negara mengisytiharkan pemenang perlumbaan ini adalah e-mobiliti pada ketika itu.

Jadi rumusannya, jika industri baharu EV dan pemain industri automotif domestik sedia ada tidak disantuni, disokong serta dilindungi maka ini bakal menyakikan keduanya sukar bertapak lagi. Akhirnya, kenderaan EV import mendominasi pasaran tempatan dan mewujudkan satu 'ekosistem tidak sihat' kepada sistem pengangkutan awam serta membebaskan matlamat mobilisasi rakyat.

PENULIS adalah pengamal media dan perunding komunikasi, penulis serta penerbitan.



MALAYSIA juga mampu mencapai sasaran sifar bas enjin diesel pada 2034 dengan syarat semua pihak termasuk operator mesti menyokong industri bas EV tempatan. - UTUSAN

PERISTIWA HIJRAH NABI SAW

Hayati teladan & pengajaran

Bersama
**Dr Izham
Hakimi Redzan**



Disebabkan nilai yang besar pada hijrah Nabawi ini, maka telah dipilih tahun bermulanya kalendar Islam dengan tahun penghijrahan Nabi SAW



Sejalan aspek kehidupan junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW tidak sepi daripadanya suatu pengajaran dan teladan. Oleh yang demikian, perlu untuk kita memperingati dan mengambil pengajaran di sebalik hayat kehidupan baginda SAW. Allah SWT berfirman dalam **surah Ibrahim, ayat 5**: "Dan ingatilah mereka (wahai Muhammad) tentang hari-hari Allah SWT)." Ahli tafsir seperti Ibnu Kathir (w.774H) berkata: "Maksud hari-hari Allah SWT ialah nikmat-nikmat Allah SWT". Sudah tidak syak lagi bahawa antara nikmat terbesar ke atas umat manusia adalah pengutusan Nabi SAW yang membawa risalah tauhid Allah SWT dan rasul-rasul terdahulu untuk sekalian alam dengan menyempurnakan kesempurnaan akhlak. Antara cara untuk mengingat nikmat-nikmat Allah SWT terhadap manusia adalah dengan meneladani sirah nabi SAW kerana ada pada diri Rasulullah SAW itu suatu ikutan yang baik.

Difahami daripada perkara yang disebutkan, bahawa antara hari-hari Allah SWT adalah juga hari-hari Nabi SAW ataupun dikenali sebagai sirah Nabi SAW. Ini kerana penyebutan nama Nabi SAW itu akan selalu diselingkan dengan penyebutan nama Allah SWT. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam **surah Ali-Imran, ayat 31**: "Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah SWT mengasihi kamu." Ini bermaksud tidak sempurna kecintaan kepada Allah SWT kecuali dengan mencintai Baginda Nabi SAW. Maka, salah satu cara untuk mengikuti Nabi SAW adalah dengan mengetahui dan meneladani sirah Nabi SAW. Dalam sebuah hadis Nabi SAW bersabda: "Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga aku (Rasulullah SAW) lebih kamu sayang daripada orang tuanya, anaknya dan manusia keseluruhannya." **HR al-Bukhari**

Oleh yang demikian, kesempurnaan iman itu disyaratkan dengan kecintaan terhadap Nabi SAW. Allah SWT juga menyeru kepada manusia untuk mengambil teladan daripada

peristiwa yang berlaku, khususnya apa yang berkaitan dengan Nabi SAW. Perkara ini difahami daripada firman Allah SWT dalam **surah an-Nur, ayat 44**: "Allah menukarkan malam dan siang silih berganti; sesungguhnya yang demikian mengandung pelajaran bagi orang-orang yang celik mata hatinya berfikir."

Antara salah satu peristiwa yang besar dalam sirah Nabi SAW ialah peristiwa hijrah Nabawi yang merupakan salah satu daripada peristiwa yang sangat bersejarah bagi masyarakat Islam. Hijrah Nabawi adalah had pemisah antara hak dan batil setelah bertahun-tahun masyarakat Islam di Makkah dianiaya, dizalimi dan ditindas. Begitu juga, hijrah merupakan titik tolak kepada kemenangan umat Islam yang Allah SWT janjikan kepada kekasih-Nya.

Disebabkan nilai yang besar pada hijrah Nabawi ini, maka telah dipilih tahun bermulanya kalendar Islam dengan tahun penghijrahan Nabi SAW. Bermulanya kisah perletakan kalendar Islam apabila Abu Musa al-Ash'ari yang merupakan gabenor kota Basrah pada zaman Khilafah Umar al-Khattab mengadu surat yang dituturkan oleh Khalifah tidak bertarih. Oleh yang demikian, Umar Al-Khattab mengumpulkan sahabatnya berunding berkenaan tahun apakah yang sesuai untuk dimulakan dengannya tarikh kalendar Islam. Berkata sebahagian sahabat: "Kita mulakan dengan tahun kenabian Nabi SAW." Yang lain mencadangkan tahun penghijrahan Nabi SAW. Maka, Khalifah bersetuju dengan tahun penghijrahan Nabi SAW ke Madinah kerana hijrah itu tahun yang membezakan antara yang hak dan batil.

Oleh yang demikian, tahun pertama digunakan kalendar Islam ini pada tahun ke-17 Hijrah. Berkata Ibn Hajar al-Asqalani (w.852H) dalam Fathu al-Bari: "Sebahagian daripada para ulama memberi sebab kenapa munasabahnyanya dimulakan kalendar Islam dengan tarikh hijrah bukannya tarikh yang lain. Antara kebarangkalian tarikh yang boleh untuk diletakkan sebagai tarikh tahun pertama kalendar Islam ada empat tarikh:

- Tahun kelahiran Nabi SAW
- Tahun kenabian Nabi SAW
- Tahun hijrahnya Nabi SAW
- Tahun kewafatan Nabi SAW

Sebahagian daripada sahabat mentarjihkannya (mengutamakan) tahun hijrah penghijrahan Nabi SAW. Hal ini kerana tahun kelahiran dan tahun kenabian Nabi SAW itu tidak sepi daripada

berlakunya percanggahan pada menentukan bilakah tahun tersebut. Adapun tarikh kewafatan, perlu dielakkan kerana ada padanya kesedihan disebabkan kewafatan Nabi SAW. Oleh yang demikian, tarikh yang tinggal daripada kebarangkalian tadi ialah tarikh hijrah.

Imam az-Zahabi (w.748H) dalam kitab Tarikh al-Islam berkata: "Mengikut pendapat yang paling rajih (paling tepat) sesungguhnya hijrah Nabi SAW daripada Makkah ke Madinah berlaku pada 2 Rabiulawal yang bersamaan 20 September 622 Masihi, yakni 13 tahun selepas kenabian."

Seperti mana yang disebutkan, Rasulullah SAW tiba di Madinah semasa penghijrahan adalah pada bulan Rabiulawal, akan tetapi mengapakah diletakkan permulaan tarikh hijrah itu pada bulan Muharam?

Perkara ini telah dijawab oleh Ibn Hajar al-Asqalani dalam Fathu al-Bari: "Sesungguhnya ulama-ulama mengakhirkkan Rabiulawal kepada Muharam kerana permulaan azam untuk berhijrah berlaku pada Muharam. Ini kerana berlakunya bai'ah kepada Nabi SAW (Baiah Aqabah Kedua) pada bulan Zulhijjah yang mana ia adalah permulaan detik bagi hijrah. Seterusnya penampakan awal hilal (anak bulan) selepas bai'ah dan azam untuk berhijrah ialah hilal (anak bulan) Muharam. Oleh yang demikian, dengan munasabah ini, dijadikan bulan Muharam sebagai bulan pertama dalam kalendar Islam. Dan ini ialah hujah yang paling kuat yang aku dapati mengapa munasabahnyanya Muharam sebagai bulan pertama dalam kalendar Islam."

Banyak teladan dan pengajaran yang boleh kita singkap dari peristiwa penghijrahan Nabi SAW, antaranya ialah:

Pertama, Rasa kecintaan terhadap Nabi SAW. Ini dapat dilihat bagaimana masyarakat Madinah menanti ketibaan baginda ke kota ini. Ketibaan Nabi SAW disambut dengan penuh kegembiraan dengan alunan qasidah menggambarkan kegembiraan penduduk Madinah sehingga mengamburkan kanak-kanak mendendangkan satu rangkap gurindam yang bermaksud: (Kami ialah jiran-jiran(mu) daripada Bani Najjar. Alangkah gembiranya (kami) dengan kedudukan Muhammad sebagai jiran (kami). Apabila Nabi SAW mendengar gurindam ini baginda Nabi SAW menukar rasa kecintaan ini dengan berkata: (Demi Allah! Hati aku mencintai kamu).

Kedua penubuhan institusi

kemasyarakatan. Sebelum tibanya baginda Nabi SAW ke kota Madinah baginda singgah di sebuah kawasan yang dikenali sebagai Quba' (berdekatan Madinah). Di sini, Nabi SAW mengasaskan sebuah masjid yang pertama yang merupakan institusi kemasyarakatan bagi pembangunan modal insan dari aspek rohani dan jasmani berasaskan takwa. Allah SWT telah menggambarkan perkara ini dalam firmanNya: "Sesungguhnya masjid (Quba), yang telah didirikan di atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka mensucikan dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)." **Surah at-Taubah: 104**

Ketiga, kehidupan bersama (Ta'ayush). Islam tidak menghalang daripada berinteraksi dengan golongan bukan Islam. Bahkan Nabi SAW memilih Abdullah bin Uraiqi (bukan Islam) sebagai penunjuk jalan kepada baginda dan Abu Bakar as-Siddiq ketika mereka berdua keluar berhijrah ke Madinah. Islam tidak menghalang untuk berinteraksi dan melakukan kebajikan kepada orang bukan Islam, akan tetapi Islam melarang kepada kezaliman dan penindasan kepada manusia. Malah haram melakukan kezaliman terhadap haiwan dan tumbuh-tumbuhan, bahkan terhadap perkara yang tidak hidup sekalipun.

Keempat, wajib untuk membantu sesama orang Islam. Dalam peristiwa hijrah kita dapat melihat golongan Ansar sedaya upaya membantu Nabi SAW dan golongan muhajirin daripada penindasan dan kezaliman dengan menjadikan Madinah sebagai kota keamanan. Imam Abu Bakar Ibnu al-Arabi al-Ma'afiri (w. 543H) berkata: "Para ulama bersepakat bahawa orang Islam wajib ke atas umat Islam membantu saudara seagamanya yang ditindas, dizalimi, ditawan walaupun sejauh manapun jarak keberadaan mereka dengan kita. Begitu pula juga, kita perlu mengerahkan segala kudrat tenaga untuk menyelamatkan mereka. Jika tidak mampu kita mengeluarkan segala harta kita untuk mengeluarkan mereka daripada penindasan, kezaliman, peperangan dan ancaman musuh sehingga tidak tinggal seorang daripada umat Islam satu sen pun daripada hartanya."

Penulis Felo Penyelidik di Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pendidikan

Isnin,
22 Julai 2024

bhpendidikan@bh.com.my

Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Fokus



Fahami tujuan dan niat menuntut ilmu serta mencari inspirasi daripada tokoh berjaya akan memberi semangat tambahan

Norfazila Ahmad,
Ketua Unit
Komunikasi dan
Perhubungan
Korporat
Politeknik Nilai



Berusaha membina disiplin diri dengan membangunkan tabiat belajar baik seperti mengikuti sesi pembelajaran konsisten dan penyertaan aktif dalam kelas

Dr Juliana
Jumal,
Dekan Pusat
Tamhidi USIM



Buat pilihan tepat kerana semuanya pantas. Jangan kerana mahu ikut kawan, kita gagal kerana tidak minat dengan pengajian

Sohaina
Mohd Salleh,
Pensyarah
IPG Kampus
Raja Melewar
Seremban



Ubah falsafah 'buat apabila disuruh' kepada 'buat apa yang patut dan mesti meskipun tidak disuruh'

Oleh Mohd Amin Jalil
bhpendidikan@bh.com.my

Sejak awal bulan ini, lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 sudah mula dan akan menyambung pengajian sama ada di peringkat asasi dan diploma di universiti, matrikulasi atau ijazah perguruan. Selepas meninggalkan alam persekolahan kira-kira lima bulan, pastinya masih ada yang perlu mendapatkan momentum semula, apatah lagi perlu menyesuaikan diri dengan suasana baharu sebagai pelajar jauh berbeza ketika menjadi murid dalam alam persekolahan sebelum ini.

Di sebalik ramai teruja meneruskan pengajian, pasti ada yang khuatir atau gerun mendengar asasi, matrikulasi, ijazah perguruan kerana ia bakal menguji mental dan fizikal, apabila semua perlu pantas bagi mengelak kecikiran ketika pengajian.

Ketua Unit Komunikasi dan Perhubungan Korporat Politeknik Nilai, Norfazila Ahmad, berkata beralih dari alam persekolahan ke alam matrikulasi, asasi atau Institut Pendidikan Guru (IPG) memerlukan persediaan menyeluruh kerana terdapat banyak perbezaan dari segi persekitaran, tanggungjawab serta cara pembelajaran.

Beliau berkata, pelajar perlu membiasakan diri dengan perubahan ini dan menghadapinya dengan sikap terbuka dan positif, antaranya mempunyai pemahaman baik mengenai program pengajian dipilih.

"Cari maklumat awal berkaitan kursus, bidang pekerjaan berkaitan dan kemungkinan perkembangan kerjaya pada masa depan.

"Pelajar perlu menetapkan matlamat akademik dan peribadi serta membuat perancangan terperinci bagaimana akan mencapai matlamat itu kerana rancangan jelas dapat membantu untuk memberi arah dan memotivasi diri semasa pengajian," katanya.

Norfazila berkata, institut pengajian tinggi (IPT) adalah tempat pelajar diberi kebebasan menguruskan masa sendiri dan perlu bijak mengatur masa, menyusun keutamaan tugas serta aktiviti akademik, selain menghindari penangguhan dalam menyelesaikan tugas.

Proses sebenar untuk pelajar

Menurutnya, pusat asasi, matrikulasi dan diploma sebenarnya proses sebenar untuk pelajar melakukan persediaan sebelum bergelar siswa. "Di situ mereka dilatih untuk bersedia melangkah ke peringkat sarjana. Tiada lagi istilah 'suapan' nota daripada guru, sebaliknya pelajar perlu mencari sendiri dan berikhtisar mendapatkan maklumat berkenaan pengajian masing-masing.

"Ubah sikap dan pemikiran 'buat apabila disuruh' kepada 'buat apa yang patut dan mesti' walaupun tidak disuruh," katanya.

Menurut beliau, pembelajaran di peringkat ini lebih berfokus pemahaman mendalam dan aplikasi serta perlu aktif dalam pembelajaran dan bertanya soalan, selain mencari maklumat tambahan.

Katanya, selain buku teks, pelajar perlu belajar menggunakan jurnal akademik, artikel dan sumber digital relevan.

"Kemahiran mencari maklumat di perpustakaan dan internet juga penting, manakala pembelajaran berkumpulan boleh membantu meningkatkan pemahaman. Berbincang dengan rakan-rakan mengenai topik sukar boleh membuka perspektif baharu," katanya.

Katanya, menguruskan tekanan dengan berkesan juga perlu dilakukan contohnya aktiviti senaman atau hobi yang dapat membantu mengurangkan stres kerana penting mengekalkan keseimbangan antara akademik dengan spiritual.

"Fahami tujuan dan niat menuntut ilmu serta mencari inspirasi daripada tokoh berjaya akan memberi semangat tambahan," katanya.

Tambah Norfazila, memasuki IPT adalah perjalanan mencabar, namun dengan persediaan mental, fizikal, dan emosi betul, pelajar akan dapat menghadapinya dengan penuh keyakinan, sekali gus mencapai impian ditetapkan.

"Dengan persiapan menyeluruh, pelajar lebih bersedia menghadapi cabaran dan peluang dalam alam matrikulasi, asasi dan IPG," katanya.

Sementara itu, Dekan Pusat Tamhidi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Juliana Jumal, menegaskan pelajar perlu sedar kehidupan di pusat asasi, matrikulasi atau diploma berbeza dengan alam persekolahan.

Beliau berkata, langkah pertama adalah kenal pasti hala tuju apabila menyambung pengajian, iaitu jika ingin menyambung pengajian ke peringkat ijazah pertamaka, pelajar wajib tahu kursus apakah layak dipohon berdasarkan kelayakan di peringkat asasi supaya tidak bertentangan minat

dan kemampuan.

"Layari terlebih dulu laman web rasmi IPT masing-masing untuk mendapatkan maklumat mengenai atau kursus ditawarkan dan rujuk struktur kursus, tempoh pengajian, bilangan kursus wajib diambil dan sebagainya.

"Walaupun semasa minggu orientasi, ia akan diterangkan tetapi lebih baik jika pelajar sudah tahu serba sedikit," katanya.

Tetapkan matlamat

Juliana berkata, pelajar perlu menetapkan matlamat dengan jelas apabila memulakan pengajian dengan menentukan perkara ingin dicapai daripada program secara akademik dan peribadi.

Beliau berkata, menguruskan masa dengan membuat jadual dan mengutamakan tugas untuk kekal teratur serta fokus adalah penting kerana tiada lagi kawalan pentadbir sekolah, guru atau warden asrama.

Tegasnya, pelajar perlu merancang lebih awal dengan mengenal pasti tarikh penting peperiksaan, ujian serta tugas mengelakkan tekanan pada saat akhir.

"Berusaha membina disiplin diri dengan membangunkan tabiat belajar baik seperti mengikuti sesi pembelajaran konsisten dan penyertaan aktif dalam kelas.

"Mereka juga perlu mencari bimbingan dan sokongan dengan mewujudkan hubungan baik dengan pensyarah atau mentor, rakan atau ahli keluarga boleh memberikan sokongan dan bimbingan emosi," katanya.

Sementara itu, Pensyarah IPG Kampus Raja Melewar Seremban, Sohaina Mohd Salleh, memberikan contoh jika memilih untuk melanjutkan pengajian di peringkat asasi sains, pelajar perlu bersedia dan minat dengan subjek seperti Fizik, Kimia, Biologi, Matematik dan Ma-

tematik Tambahan.

"Buat pilihan tepat kerana semuanya pantas. Jangan kerana mahu ikut kawan, kita gagal kerana tidak minat dengan pengajian," katanya.

Sohaina menasihatkan pelajar supaya sedar mereka perlu lebih berusaha kerana tiada lagi istilah kelas tambahan atau latihan tuah seperti sekolah, sebaliknya kena belajar sendiri atau berkumpul.

Katanya, pelajar mengikuti pengajian di peringkat asasi diingatkan memanfaatkan peluang itu sebaliknya kerana hanya 'selangkah' saja lagi untuk ke peringkat ijazah.

"Justeru, ikhlaskan niat belajar dan sentiasa tanamkan sifat positif di dalam diri," katanya.

180,000 pelajar baharu terima pembiayaan PTPTN setiap tahun

Agensi komited tawar insentif kewangan bantu sambung pengajian ke IPT

Kuala Lumpur: Kira-kira 180,000 pelajar baharu setiap tahun menerima manfaat bantuan pembiayaan kewangan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), kata Ketua Eksekutifnya, Ahmad Dasuki Abdul Majid.

Beliau berkata, agensi itu adalah penyelamat dan penyumbang kewangan yang besar kepada anak bangsa dalam mencapai cita-cita selain memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan taraf hidup keluarga, bangsa dan negara.

"Hampir 50 peratus daripada kira-kira 350,000 pelajar yang diterima masuk ke institusi peng-

ajian tinggi (IPT) setiap tahun menerima pinjaman PTPTN. Pada awal penubuhan PTPTN, hanya sekitar 27,000 peminjam yang mendapat tajaan.

"Selepas 27 tahun, PTPTN mencapai kematangan dalam memastikan tiada pelajar tercicir daripada melanjutkan pendidikan di IPT disebabkan masalah kewangan," katanya ketika menjadi tetamu program POV: Perspektif Bukan Persepsi musim kedua di BERNAMA Radio bersama penganalisis jenayah, Kamal Affandi Hashim, baru-baru ini.

Ahmad Dasuki berkata, PTPTN memperkenalkan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) pada 1999 dengan jumlah RM1,000, yang kini sudah meningkat kepada RM1,500 sebagai persediaan untuk pelajar sebelum mendaftar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan politeknik.

Ahmad Dasuki berkata, PTPTN berusaha untuk mengubah persepsi masyarakat supaya tidak hanya dilihat sebagai pem-

beri pinjaman dan pengutip hutang, tetapi sebagai tabung pendidikan untuk rakyat Malaysia.

Beliau berkata, pada 2004, produk pertama Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) yang kini dikenali sebagai Simpan SSPN Prime dilancarkan dan pada 2015, Simpan SSPN-i Plus pula diwujudkan.

Tawar Geran Sepadan

Simpan SSPN Prime menawarkan Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 bagi keluarga yang layak, iaitu ibu bapa yang mempunyai pendapatan bulanan tidak melebihi RM4,000.

"Persepsi terhadap PTPTN sebagai tabung simpanan meningkat sejak dua hingga tiga tahun lalu melalui promosi dan penerangan yang giat dijalankan, termasuk turun padang ke setiap sekolah.

"Geran Sepadan ini adalah insentif kewangan yang ditawarkan kepada anak-anak yang diterima dan mendaftar masuk ke mana-mana IPT diiktiraf oleh kerajaan," kata Ahmad Dasuki.

Beliau berkata, PTPTN membantu masyarakat membuat perancangan kewangan untuk pendidikan seawal usia anak-anak, yang akhirnya dapat melahirkan graduan tanpa hutang melalui Simpan SSPN.

"Dengan instrumen simpanan diwujudkan oleh PTPTN, masa-

lah keciciran dalam kalangan pelajar yang ingin melanjutkan pengajian dapat diatasi kerana produk simpanan ini juga menawarkan perlindungan takaful secara percuma," katanya.

Ahmad Dasuki menegaskan bahawa usaha PTPTN tidak akan berhenti dengan misi utama mereka untuk menggalakkan penabungan, bagi memastikan anak-anak tidak dibebani hutang selepas tamat pengajian, sekali gus mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada pinjaman.

Sementara itu, Kamal Affandi berkata, perancangan kewangan keluarga dalam aspek pengurusan kewangan dan pendidikan adalah amat penting dalam sebuah institusi kekeluargaan.

"Pendidikan adalah jalan keluar daripada kesusahan dan kemiskinan. Simpanan juga adalah langkah terbaik dan penting untuk setiap keluarga. Jadi, kedua-duanya (pendidikan dan simpanan) amat penting untuk masa depan anak-anak dan keluarga," katanya.

BERNAMA

Selepas 27 tahun, PTPTN sudah mencapai kematangan dalam memastikan tiada pelajar tercicir daripada melanjutkan pendidikan di IPT disebabkan masalah kewangan

Ahmad Dasuki
Abdul Majid,
Ketua Eksekutif
PTPTN



IPT kena lapor kes pelajar asing 'hilang'

Isnin 22/7/2024 BH M55
Putrajaya: Kegagalan institusi pengajian tinggi (IPT) memaklumkan 'kehilangan' pelajar warga asing masing-masing, adalah antara faktor utama menyumbang kepada kes penyalahgunaan pas pelajar di negara ini.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh, berkata biarpun kes yang berlaku itu disifatkan tidak besar dan terencil, namun IPT mempunyai kewajiban melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya pelajar asing di institusi mereka menghilangkan diri.

"Kita ada kes macam ini tetapi

tidak besar dan terencil tetapi memang ada berlaku. Saya tak nafikan 'kes salah guna pas pelajar ini kerana ada di antara mereka, datang belajar kemudian satu masa mereka tidak lagi hadir ke kelas

"Ada dalam kalangan IPT tidak melaporkan kepada kita, sepatutnya mereka kena laporkan kepada kita, bahawa ada pelajar tidak lagi hadir ke kelas kerana apabila mereka tidak lapor, susah untuk kita kesan pelajar terbit," katanya dalam pertemuan bersama media di sini.

Ruslin berkata, bagi menangan-

ni isu itu, beliau akan mengadakan libat urus bersama Sistem Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam tempoh terdekat.

Katanya, menjadi kewajiban pihak IPT melaporkan kepada Imigresen sekiranya mana-mana pelajar mereka gagal hadir ke kelas atau tidak muncul langsung selepas tempoh masa tertentu.

"Baru-baru ini kita ada buat tangkapan ke atas warga Bangladesh di Kuala Lumpur dan seorang individu (yang ditahan) ini pelajar di sebuah kolej, meme-

gang pas pelajar, kerja dia menghasilkan pasport palsu dan jual kepada rakan senegara.

"(Ada juga kes di mana) mereka salah guna pas pelajar dengan bekerja, walaupun terencil kita tetap ambil tindakan, kita tak mahu kes sebegini merebak," katanya.

Mengulas mengenai pas pelajar, beliau berkata, ia terbahagi kepada beberapa kategori.

"Ada dalam kalangan pelajar warga asing diberikan pas yang perlu diperbaharui setiap tahun dan ada juga yang diberi pas untuk sepanjang tempoh pengajiannya di negara ini," katanya.

Pilih politeknik kerana gabungan pendidikan teori, praktikal

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI
utusannews@mediamula.com.my

JOHOR BAHRU: Graduan terbaik Majlis Konvokesyen Ke-8 Politeknik Metro Johor Bahru (PMJB) memilih menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) itu kerana ia menggabungkan pembelajaran secara teori dan praktikal.

Muhammad Johari Sahari, 35, memberitahu, sembilan bulan daripada tempoh tiga tahun pengajiannya di PMJB dihabiskan dengan menimba pengalaman dengan menjalani latihan praktikal di syarikat industri logistik bagi melengkapkan ilmu dengan kemahiran yang diperlukan selepas mengikuti pengajian dalam Diploma Logistik dan

Rantaian Bekalan.

"Di politeknik, kita bukan sahaja didedahkan dengan ilmu pengetahuan akademik, malah juga kemahiran. Sepanjang tempoh praktikal itu saya dapat pelajari selok-belok bidang logistik ini, termasuk import dan eksport.

"Alhamdulillah, saya berjaya habiskan pengajian dan turut memperoleh keputusan yang baik, iaitu Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.74, sekali gus menerima Anugerah Akademik dan Kokurikulum dan Anugerah Pengarah PMJB," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau yang kini bertugas sebagai Koperan Penjara di Simpanan Renggam turut member-

itahu, usia bukan halangan bagi seseorang individu melanjutkan pengajian.

"Semasa bersekolah dahulu, saya amat meminati bidang kejuruteraan, namun tidak berpeluang menyambung pengajian ketika itu kerana keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kurang memberangsangkan.

"Jadi, saya bekerja dahulu sebagai kakitangan kerajaan, namun hasrat untuk menyambung pengajian tidak pernah terhenti dan pada tahun 2021 saya menyambung pengajian peringkat diploma di PMJB.

"Insya-Allah saya berhasrat untuk terus menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi selepas ini," kata anak bongsu daripada tujuh beradik itu.



MUHAMMAD Johari Sahari memeluk ibunya, Aminah Aripin sambil diperhatikan isterinya, Nur Raihan Sahabudin pada Majlis Konvokesyen Ke-8 PMJB di Hotel KSL & Resort, Johor Bahru semalam.



MOTIF senibina yang terdapat di Masjid Hidayatullah, Indonesia.



PELAJAR menerangkan kepada pengunjung mengenai warisan yang dipamerkan.

Oleh INTAN SUHANA
CHE OMAR

intansuhana@mediamula.com.my

Keteguhan binaan masjid berusia 100 tahun

TAK lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Itu peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan warisan yang masih utuh terpasak pada tiap masjid ini.

Berpeluang menghadiri Pameran 24th Architectural Studies Teguh Exhibition, anjuran pelajar tahun tiga Sarjana Muda Senibina, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) memberi pengalaman baharu melihat kesenian dan keunikan masjid lama di Indonesia, Russia dan Uzbekistan.

Pameran ini turut memberikan satu perspektif baharu kepada diri.

Masjid bukan semata-mata sebagai pusat ibadah sebaliknya, ia turut berperanan sebagai lambang khazanah dan warisan bagi satu-satu tempat atau negara secara amnya.

Pensyarah Kanan Kuliyah Senibina dan Alam Sekitar (KAED) UIAM, Dr. Mohd. Noorizhar Ismail berkata, pameran yang dianjurkan bersempena subjek *Heritage Studies* itu berkisarkan seni bina bangunan masjid lama melebihi 100 tahun.

Keunikan dipamerkan membabitkan masjid lama yang terletak di Jakarta, Indonesia, Derbent, Russia dan Khiva, Uzbekistan.



TENGGU Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah (tengah) berkenan mencemar duli merasmikan Pameran 24th Architectural Studies Teguh Exhibition di Kulliyah Senibina dan Alam Sekitar (KAED) UIAM baru-baru ini. - UTUSAN/SYAKIR RADIN

"Setiap masjid lama di negara-negara ini memiliki kelebihan dan keunikan masing-masing daripada segi struktur dan bahan binaan.

"Program ini juga memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai perbezaan seni bina masjid terutamanya di negara luar yang berdasarkan budaya dan warisan. Daripada budaya itulah terbentuknya seni bina," katanya.

KEUNIKAN STRUKTUR, BAHAN BINAAN

Tema Teguh dipilih untuk melambangkan keteguhan masjid yang berumur melebihi 100 tahun yang masih aktif digunakan penduduk setempat walaupun arus kemajuan bertapak di sekeliling masjid.

Keteguhan masjid juga diambil kira daripada peratusan struktur asal yang terpelihara.

Pelajar mengukur dan menjalankan kajian latar belakang mengenai struktur dan sejarah masjid semenjak ia dibina hingga ke hari ini.

Menelusuri tiap satu pameran keindahan seni bina masjid yang merupakan hasil

kerja 74 pelajar senibina itu cukup menarik sekali.

Dapat dilihat setiap binaan masjid berbeza mengikut lokaliti dan bahan binaan yang terdapat di negara masing-masing.

Di Indonesia misalnya, rekaan masjidnya lebih kepada penggunaan batu-bata merah dan bumbung yang bertingkat-tingkat.

Rekaan ini bukan semata-mata untuk estetika yang cantik, namun keadaan bumbung bertingkat itu sesuai dengan cuaca panas di negara berkenaan.

Bumbung yang bertingkat dan tinggi memberikan pengudaraan lebih baik

dan selesa untuk pengunjung beribadah di dalam masjid.

BINAAN BATU PASIR DAN KAYU

Masjid di Khiva, Uzbekistan, bahan binaannya terdiri daripada batu pasir dan kayu.

Reka bentuk dalaman di negara Asia Tengah itu juga lebih unik dengan tiang yang sangat banyak untuk menyokong strukturnya yang besar dan lebar.

Di Russia pula, rekaan masjidnya tampak lebih ringkas di bahagian luar, namun seni bina dan warisan dapat dilihat dengan lebih jelas pada bahagian dalam masjid.

"Di Russia, istimewanya adalah bahan binaan terdiri daripada coral stone.

"Permukaan luar masjid kalau kita lihat ia adalah lebih ringkas berbanding Indonesia, namun di bahagian dalam kita dapat lihat banyak rekaan berasaskan budaya yang diselitkan menjadikannya unik," jelas Noorizhar.

Pameran kali ke-24 itu dirasmikan Ketua Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah. Turut hadir, Presiden UIAM, Tan Sri Samsudin Osman, Rektor UIAM, Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak dan Dekan KAED, Prof. Ar. Dr. Abdul Razak Sopian.



Pembekuan kursus kejururawatan di IPTS tamat Ogos

Rakun 24/7/24 No 16

Keputusan dibuat bagi selesaikan isu kekurangan jururawat berdaftar

Kuala Lumpur: Moratorium atau pembekuan ke atas penawaran kursus pengajian baharu kejururawatan peringkat diploma di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) sejak 2010 akan ditamatkan mulai 1 Ogos ini.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud, berkata keputusan penamatan itu dibuat oleh Jemaah Menteri pada 5 Julai lalu berikutan beberapa siri perbincangan antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan Kementerian Kesihatan mengenai kekurangan jururawat berdaftar di negara ini.

Beliau berkata penamatan moratorium itu bagi mengatasi kekurangan jururawat yang dipengaruhi beberapa faktor antaranya penurunan jumlah IPTS aktif menawarkan kursus berkenaan di peringkat diploma.

"Penamatan moratorium juga dipengaruhi penurunan pendaftaran jururawat berdaftar dalam kalangan lepasan diploma kejururawatan IPTS.

"Negara bakal mengalami kekurangan jururawat berdaftar bagi keperluan jagaan kesihatan dan keperluan populasi pada 2030 sekiranya trend pengambilan pelajar diploma kejururawatan di IPTS dan bilangan pendaftaran jururawat berdaftar kekal menurun," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

Pastikan penuhi keperluan

Mustapha menjawab soalan Senator Robert Lau Hui Yew yang ingin tahu strategi KPT dalam menangani masalah kekurangan jururawat yang kronik serta sama ada akan membenarkan lebih

banyak IPTS untuk menawarkan kursus kejururawatan.

Mustapha berkata perincian penamatan moratorium itu akan dimaklumkan oleh KPT melalui satu surat pekeliling yang akan dikeluarkan kepada semua IPTS dalam masa terdekat.

Katanya, moratorium itu dilaksanakan sebelum ini kerana berlaku lambakan penawaran kursus pengajian kejururawatan di IPTS.

"Setelah kajian dibuat dan kalau kita tidak buat sesuatu buat masa ini, kita akan alami defisit lebih kurang 62 peratus menjelang 2030, sebab itu, ini antara langkah yang kerajaan buat dan kita akan pastikan jumlah jururawat memenuhi keperluan industri dan populasi," katanya.

BERNAMA

Penamatan moratorium juga dipengaruhi penurunan pendaftaran jururawat berdaftar dalam kalangan lepasan diploma kejururawatan IPTS



Mustapha Sakmud,
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi

Rencana

Utusan Malaysia
RABU • 24 JULAI 2024

15

Kebersamaan penjawat awam mendukung agenda negara



MASHITAH
MOHD. UDIN

SEJAK Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mendapat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) yang baharu, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, pada 9 Januari lalu, usaha ditingkatkan untuk memperbaiki mutu penyampaian dan kebersamaan penjawat awam dalam mendukung hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengikut penekanan Perdana Menteri dan tuntutan penjawat awam, fokus utama KPPA setelah dilantik adalah menyegerakan kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA), dan ini dilakukan oleh JPA yang membolehkan Perdana Menteri mengumumkan kenaikan gaji pada 1 Mei lalu.

Ini terhasil dan diiktiraf. Perdana Menteri pada majlis sambutan Jubli Emas Penubuhan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) di Bangi pada 13 Julai pula menyatakan bahawa sebagai Menteri Kewangan, beliau bersama KPPA dan warga JPA bekerja keras untuk melaksanakan SSPA walaupun berdepan dengan kritikan.

Mekanisme terperinci pelarasan gaji penjawat awam ini seterusnya akan diumumkan Perdana Menteri pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-19 serentak dengan pelancaran SSPA di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 16 Ogos nanti.

Sebagai sebahagian daripada pembaharuan, telah dikeluarkan Surat Edaran Peningkatan Kualiti Penyampaian dan Perkhidmatan Yang Berintegriti kepada semua ketua setiausaha kementerian, ketua jabatan persekutuan, setiausaha kerajaan negeri, pihak berkuasa berkanun, dan pihak berkuasa tempatan pada 18 April lalu.

Surat edaran tersebut menyaran agar ketua jabatan sektor awam melakukan pemeriksaan mengejut di jabatan masing-masing, dengan



SUDAH pasti pendekatan seluruh bangsa dan seluruh agensi kerajaan lebih mudah dicapai dengan pembaharuan dan kebersamaan penjawat awam dalam mendukung agenda Malaysia Madani.

laporan mengenai yang mengandungi dapatan hasil lawatan serta tindakan penambahbaikan pencegahan yang diambil perlu diserahkan dua kali setahun.

“Ketua Jabatan perlu mengambil tindakan untuk membuat pemeriksaan mengejut bagi memastikan amalan-amalan negatif seperti menggunakan media sosial yang tidak berkaitan dengan tugas rasmi, bermain permainan dalam talian atau tindakan keluar pejabat tanpa kebenaran untuk urusan peribadi pada waktu bekerja tidak berlaku di jabatan masing-masing,” kata KPPA.

Setiap KPPA juga mempunyai gagasan tersendiri. Untuk itu, nilai baharu bagi penjawat awam iaitu H.E.M.A.T diperkenalkan oleh KPPA sejajar dengan dasar Malaysia Madani dan aspirasi The G.R.E.A.T Civil Service yang diperkenalkan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

Dalam ucapan di majlis Amanat KPPA 2024 pada 21 Februari, H.E.M.A.T diterangkan membawa dua maksud, iaitu sikap penjawat awam dalam membelanjakan dana awam secara berjiwat-cermat dan dari segi sifat, menjalankan tugas dengan pengamatan selain penelitian



Pelaksanaan tugas kita tidak lagi boleh pegun dan berada di takuk lama. Sebaliknya, kita perlu lakukan hijrah tatakelola yang dinamik dan respons kepada aspirasi semasa negara.”

mendalam.

Setelah kajian utama SSPA disiapkan, satu siri program di seluruh Malaysia diadakan untuk menjelaskan gagasan H.E.M.A.T yang terdiri daripada hijrah tata kelola, empati rakyat, minda pekin, apresiasi inovasi dan telus tadbiran kepada para penjawat awam.

Program bermula dengan Perkongsian Minda INTAN: Bicara Aspirasi H.E.M.A.T di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Selatan (IKWAS), Kluang, Johor, pada 2 Julai, diikuti dengan Sesi

Perjumpaan KPPA dengan Penjawat Awam Negeri Sembilan pada 18 Julai yang serta sesi sama di Kelantan pada 20 Ogos, di Sabah pada 29 Ogos dan negeri-negeri lain.

Dalam program ini, ditekankan bahawa penjawat awam perlu sentiasa bersedia dalam mendepani gelombang perubahan yang berlaku.

“Pelaksanaan tugas kita tidak lagi boleh pegun dan berada di takuk lama. Sebaliknya, kita perlu lakukan hijrah tatakelola yang dinamik dan respons kepada aspirasi semasa negara.”

“Saya menggesa agar setiap lapisan penjawat awam memainkan peranan secara optimum mengikut kapasiti tugas masing-masing seiring dengan permintaan serta keperluan pihak berkepentingan, lebih-lebih lagi dalam persekitaran perkhidmatan awam masa kini yang penuh dengan cabaran,” ujar Wan Ahmad Dahlan.

“Perlu memudahkan segala urusan sama ada dengan pemegang taruh ataupun pelanggan. Cara bekerja juga harus disesuaikan dengan agenda kerajaan dan tugas dilaksanakan dengan segera supaya kesannya dinikmati rakyat,” tambah beliau.

Dalam ucapan dan tindakan Wan Ahmad Dahlan juga, jelas ditunjukkan bahawa semua penjawat awam perlu mendukung agenda negara.

Ini termasuk penganjuran Himpunan Aspirasi Madani Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (Akrah) di PICC pada 18 Jun lalu, yang mana Perdana Menteri melancarkan Akrah sebagai Ejen Penggerak Perubahan Perkhidmatan Awam.

Aspek kebersamaan ini juga ditekankan bila semua penjawat awam dalam sesi lawatan diseru untuk menjadi jurucakap kepada kerajaan, memahami, menerangkan serta menjelaskan kepada rakyat bahawa setiap usaha dan inisiatif yang dilaksanakan adalah untuk kesejahteraan rakyat, kerana siapa lagi yang akan memberitakan perkara yang baik ke luar sana?

Turut dilancarkan ialah Modul Latihan H.E.M.A.T. dengan dipastikan bahawa ia menepati ‘roh’ H.E.M.A.T. yang bertujuan mengubah mentaliti dan cara bertindak para pegawai dan anggota perkhidmatan awam melalui kemahiran dan pengetahuan yang diterapkan, sekali gus memacu perkhidmatan awam negara ke persada lebih gemilang.

Prinsip *walk the talk* (mengotakan kata-kata) dalam JPA juga diamalkan. Selaras dengan saranan untuk pemeriksaan mengejut, KPPA antara lainnya membuat lawatan ke kaunter Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Sembilan pada 18 Julai lalu dan mendapati urusan mendapatkan salinan geran tanah kini hanya memakan masa setengah hari berbanding dahulu.

Dengan pembaharuan dan kebersamaan penjawat awam dalam mendukung agenda Malaysia Madani, tujuh tanda aras prestasi ekonomi madani yang digariskan oleh Perdana Menteri, melalui pendekatan *whole of nation* (seluruh bangsa) dan *whole of government* (seluruh agensi kerajaan, pasti akan lebih mudah dicapai.

DR. Mashitah Mohd. Udin ialah Pengarah Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme (GSEEP), Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), Universiti Utara Malaysia (UUM).

Kemudahan lapuk jejas lahir graduan TVET berdaya saing



Ofeh Mohammad Rizan Hassan
bhrencana@bh.com.my

Setiausaha Agung
Pertubuhan
Kebangsaan Pekerja
Berkemahiran
(BELIA MAHIR)

Kerajaan kini begitu proaktif dan agresif kerajaan mempromosikan Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) dalam usaha menyediakan individu dengan kemahiran serta pengetahuan diperlukan untuk berjaya dalam pasaran kerja negara.

Tidak dinafikan keghairahan semua pihak menjulang TVET memberikan impak besar kepada penerimaan masyarakat. Namun terdapat satu cabaran terbesar jarang dibincangkan dan diambil tindakan, iaitu kualiti peralatan latihan TVET dalam usaha menyerap kemahiran kepada pelatihnya.

Apabila menyentuh soal pembangunan bakat berkemahiran, ada keperluan mendesak untuk meneroka cabaran dihadapi institusi TVET disebabkan terdapat peralatan latihan yang lapuk tidak seiring perkembangan teknologi hari ini, sekali gus memberi kesan kepada keupayaan mereka memenuhi piawaian dan permintaan industri.

Dalam era teknologi yang mengubah cara kehidupan dan bekerja, pelaksana institusi TVET perlu memodenkan kemudahan latihan dan ini memerlukan pelaburan membeli peralatan terkini bagi memastikan graduan TVET bersedia memasuki pasaran pekerjaan.

Dunia teknologi dan inovasi kini berkembang pantas, industri sentiasa berusaha memenuhi permintaan pasaran, maka peranan institusi TVET menyediakan latihan berkaitan tidak sepatutnya terganggu dek peralatan latihan keting-

galan zaman.

Kekurangan peralatan moden dan terkini di institusi TVET menimbulkan cabaran besar kepada pelajar dan tenaga pengajar. Ia bukan sahaja menghalang proses pembelajaran, malah menjiskan kualiti bakal graduan dilahirkan.

Ini kerana pihak industri sentiasa mencari individu berkemahiran tinggi dan berkebolehan menyesuaikan diri dengan teknologi serta amalan baharu. Maka, tanpa akses kepada peralatan terkini, graduan TVET tidak mampu memenuhi tuntutan ini.

Peralatan latihan TVET lapuk juga menghalang usaha institusi untuk menyelaraskan kurikulum dengan piawaian industri. Apabila industri terus maju, kemahiran dan pengetahuan diperlukan untuk pelbagai profesion turut berkembang.

Kekurangan peralatan moden

Tanpa peralatan diperlukan untuk menyediakan latihan praktikal selaras perubahan ini, institusi TVET bergelut untuk mengikuti keperluan industri, akhirnya membawa kepada jurang antara apa diajar di dalam bilik latihan dan diperlukan di tempat kerja.

Tambahan pula, kekurangan peralatan latihan moden boleh menghalang pelajar mengikuti pendidikan teknikal dan vokasional secara efektif. Dalam era digital hari ini, pelajar sudah terbiasa belajar dengan teknologi dan alatan termaju.

Apabila mereka berhadapan peralatan lapuk di institusi TVET, mereka mungkin menganggap latihan itu tidak relevan atau ketinggalan zaman, menjauhkan mereka daripada laluan kerjaya ber-

potensi dalam bidang teknikal.

Bagi menangani cabaran ini, pelaburan dalam memodenkan peralatan latihan TVET adalah penting. Ia penting untuk institusi TVET meningkatkan pengalaman pembelajaran pelatih dan menyediakan graduan dengan lebih baik untuk tenaga kerja.

Dilengkapi dengan peralatan terkini, pelajar boleh memperoleh kemahiran praktikal secara langsung menterjemah kepada permintaan industri, menjadikan mereka lebih berdaya saing dalam pasaran kerja.

Selain itu, memodenkan peralatan latihan TVET membolehkan institusi mengikuti perkembangan teknologi dan trend industri, manakala tenaga pengajar berupaya memastikan kurikulum mereka kekal relevan dan memenuhi keperluan majikan. Penyelarasan antara keperluan latihan dan industri ini penting untuk melahirkan graduan cekap dan sedia bekerja.

Apa yang penting, latihan TVET tidak boleh lagi bergantung kepada peralatan lapuk atau ketinggalan zaman. Bermakna, penting bagi institusi TVET untuk melabur memodenkan kemudahan latihan mereka.

Kerajaan wajar melihat perkara ini sebagai satu isu besar kerana tidak guna kita mengejar usaha melahirkan ribuan graduan TVET, tetapi peralatan atau kelengkapan disediakan jauh daripada kemajuan terkini.

Penjajaran kemudahan dan peralatan di institusi TVET penting bagi memastikan ia mencapai piawaian industri dan akhirnya menyumbang kepada tenaga kerja lebih mahir dan berdaya saing.

POLI

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: SEBAK DAPAT PENUHI IMPIAN ANAK SAMBUNG BELAJAR KE
POLITEKNIK

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 12

TARIKH : 29/07/2024

12

Utusan Malaysia
ISIN • 29 JULAI 2024

BERITA KUALA LUMPUR 29 JULAI 2024

Dalam Negeri

Sebak dapat penuhi impian anak sambung belajar ke politeknik

Oleh ROHANA ISMAIL
utusannews@mediamulla.com.my

JELI: Seorang ibu yang sebelum ini buntu mencari wang sebanyak RM1,250 mengalirkan air mata selepas berjaya merealisasikan impian anaknya melanjutkan pengajian ke Politeknik Jeli, di sini.

Tuan Zaiton Tuan Lembut, 52, berkata, semasa anaknya, Mohamad Alif Haikal Wan Abdul Rahman, 18, mendapat tawaran berkenaan, dia dan suami Wan Abdul Rahman Wan Ariffin, 52, tidak mempunyai wang sebanyak itu.

Katanya, ketika itu dia hanya mampu menangis mengenangkan nasib Mohamad Alif Haikal yang beria-ria mahu menyambung pengajian ke peringkat diploma.

"Saya beritahu dia, ayah dan

ibu tidak mempunyai wang untuk bayar yuran. Wang yang ada hanya cukup untuk belanja harian. Saya cadangkan dia menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* pada hari pendaftaran di Politeknik Jeli semalam.

Tuan Zaiton yang tinggal di Kampung Padang Pak Omar, Selising, Pasir Puteh berkata, buntu memikirkan perkara itu, dia bertemu Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Perksekutuan (JPKKP), Kamarudin Che Hat untuk mendapatkan bantuan.

Katanya, dengan bantuan Pengerusi JPKKP, masalah yang dihadapinya itu berjaya diselesaikan.

"Pada masa sama, ada sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari Kuala Krai tampil

menghulurkan sumbangan untuk anak sulung saya ini.

"Syukur, Mohamad Alif Haikal turut menerima sumbangan mesin pencetak dan wang tunai yang dikumpul oleh Yayasan Yayasan Raja Shamri hasil sumbangan orang ramai. Selain itu, anak saya menerima komputer riba sumbangan ahli perniagaan, Teacher Fiera," ujarnya.

Sementara itu, Mohamad Alif Haikal meluahkan rasa syukur apabila impian melanjutkan pengajian ke Politeknik Jeli menjadi realiti.

"Semasa ibu beritahu tiada wang, saya reda. Bagaimanapun saya tidak menduga, percuturan Allah hebat.

"Alhamdulillah, wang untuk saya masuk ke politeknik mencukupi," ujarnya yang menyambung pengajian dalam bidang Diploma Teknologi Akuakultur.



MOHAMAD Alif Haikal Wan Abdul Rahman (kiri) menerima komputer riba yang diserahkan Pengarah Politeknik Jeli, Dr. Mohd. Daud Isa (kiri) semasa mendaftar di Politeknik Jeli, Kelantan. - UTUSAN/ROHANA ISMAIL

Dalam Negeri

Utusan Malaysia
ISININ • 29 JULAI 2024

5

Kes buli Zulfarhan tidak akan berulang di UPNM - Khaled

GOMBAK: Kementerian Pertahanan (MINDEF) memberi jaminan insiden buli yang berlaku ke atas Pegawai Kadet Laut, Allahyarham Zulfarhan Osman Zulkarnain tidak berulang dalam kalangan mahasiswa lain Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, beliau percaya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan memberi perhatian supaya perkara itu tidak berulang di semua universiti dan pusat-pusat pengajian di negara ini.

"UPNM sebagai universiti tertakluk di bawah KPT, tetapi dari segi hubungan dengan Kementerian Pertahanan, kampus terletak dalam kawasan kita dan visi datang daripada kita.

"Jadi, kita juga beri perhatian dan sampaikan kepada pihak pengurusan universiti untuk pastikan ia tidak berlaku di masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian se-

lepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Gombak di Kompleks Lincak Mahaguru Omardin (KLMO), di sini semalam.

Menurut beliau, kejadian berkenaan berlaku pada 2017 dan beliau percaya selepas itu tiada lagi insiden serupa.

Pada 23 Julai lalu, Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman gantung terhadap enam bekas penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) kerana membunuh rakan sepengajian mereka iaitu Pegawai Kadet Laut, Zulfarhan Osman Zulkarnain, tujuh tahun lalu.

Sementara itu, mengulas kenyataan Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub bahawa Pas berusaha meyakinkan Perdana Menteri untuk menerima parti itu dalam gabungan Kerajaan Perpaduan, Mohamed Khaled berkata, beliau tidak mengetahui perkara itu.

"Saya tidak tahu sebab saya tiada hubungan dengan Pas," katanya.



MOHAMED Khaled Nordin semasa merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Gombak di Kompleks Lincak Mahaguru Omardin (KLMO) di Gombak semalam. - UTUSAN/M. FIRDAUS M. JOHARI